

AKAUN DAN PERKHIDMATAN - TERMA DAN SYARAT UTAMA

Ini adalah terma dan syarat yang mengawal akaun simpanan OCBC (Malaysia) Berhad dan perkhidmatan dan hendaklah diguna pakai pada kedua-dua Akaun dan Perkhidmatan melainkan diperuntukkan selainnya.

BAHAGIAN 1 – TERMA DAN SYARAT AM

Bahagian 1 adalah digunapakai bagi kedua-dua Akaun dan Perkhidmatan melainkan dinyatakan sebaliknya.

1. DEFINISI & INTERPRETASI

1.1 Definisi: Terma dan ungkapan yang berikut adalah mempunyai maksud yang diberikan kepadanya melainkan konteks menghendaki sebaliknya:-

- a) "Akaun" bermaksud akaun deposit dan akaun semasa Pelanggan dengan Bank termasuk apa-apa akaun baru yang mungkin dibuka sebagai tambahan kepadanya atau sebagai gantinya dari semasa ke semasa. Terma "Akaun" boleh bermaksud lebih daripada satu akaun.
- b) "ATM" bermaksud mesin juruwang automatik Bank dan boleh termasuk juga mesin juruwang automatik mana-mana institusi kewangan lain atau entiti seperti yang mungkin dimaklumkan oleh Bank.
- c) "Pengguna yang Dibenarkan" bermaksud orang atau orang-orang yang pada masa ini diberi kuasa secara bertulis oleh Pelanggan untuk menyenggarakan mana-mana atau semua Akaun, menggunakan Perkhidmatan dan/ atau mengeluarkan apa-apa arahan atau notis berhubung dengan Akaun atau Perkhidmatan dan termasuk juga mana-mana orang tambahan yang dibenarkan atau sebagai ganti Pelanggan.
- d) "Bank" bermaksud OCBC Bank (Malaysia) Berhad dan termasuk juga pengganti hak milik dan pemegang serahhak.
- e) "Hari perniagaan" bermaksud hari yang Bank dan cawangannya dibuka untuk urusan perniagaan di Malaysia dan di mana urus niaga seperti yang ditetapkan di dalam ini dilaksanakan kecuali pada hari cuti bank dan cuti umum.
- f) "Kad" bermaksud kad atau apa-apa peranti/token elektronik atau berkomputer yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pelanggan dan jika dibenarkan oleh Bank, kepada Pengguna yang Dibenarkan untuk menyenggarakan Akaun dan menggunakan Perkhidmatan dan termasuk juga apa-apa kad yang baru atau kad ganti atau kad yang dikeluarkan.
- g) "Pelanggan" bermaksud orang yang menjadi pelanggan kepada Bank sama ada individu (orang biasa), empunya tunggal, rakan kongsi, syarikat, masyarakat, badan statutori dan waris masing-masing, wakil diri, wasi, pentadbir, penerima, pengurus, penyelesaian dan pengganti hak milik melainkan dinyatakan selainnya dalam Terma dan Syarat atau undang-undang yang diguna pakai.
- h) "Terminal Elektronik" bermaksud mesin elektronik atau terminal yang disediakan oleh Bank bagi membolehkan Pelanggan melaksanakan Perkhidmatan atau apa-apa bahagiannya dan termasuk juga ATM, Mesin Deposit Segera, ATM Tunai Masuk dan apa-apa mesin atau terminal lain yang Bank sediakan atau perkenalkan.
- i) "Perkhidmatan Elektronik" bermaksud perkhidmatan elektronik seperti yang dijelaskan dalam **Bahagian 3A dan 3B** di dalam ini dan termasuk apa-apa perkhidmatan elektronik, telemetrik, visual digital, video, atau perkhidmatan lain atau perkhidmatan baru yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- j) "Force Majeure" bermaksud apa-apa sebab yang di luar kawalan munasabah Bank, termasuk dan tidak terhad kepada, ketidaktersediaan apa-apa sistem komunikasi, kegagalan mana-mana alat mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran, kegagalan atau gangguan kuasa atau kemudahan atau sistem komunikasi atau transmisi, sabotaj, kebakaran, banjir, gempa bumi, letupan, bencana alam, kekecohan awam, mogok, apa-apa jenis pertikaian industri atau pertikaian awam, rusuhan, pemberontakan, embargo, keganasan, peperangan, tindakan atau pelaksanaan apa-apa kuasa kerajaan, kuasa ketenteraan atau kuasa yang bangun secara mendadak,

rekuisasi atau apa-apa sekatan kawalan kewangan dan pertukaran wang asing.

- k) "PIN" bermaksud nombor pengenalan peribadi yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pelanggan dan, jika dibenarkan oleh Bank, kepada Pengguna yang Dibenarkan untuk menggunakan ATM dan termasuk apa-apa nombor PIN yang mungkin dikeluarkan oleh Bank dan semua pertukaran nombor itu yang dibuat oleh Pelanggan dan Pengguna yang Dibenarkan, mengikut mana yang berkaitan, dari semasa ke semasa.
- l) "Kod Keselamatan" bermaksud kod keselamatan (termasuk Kad, apa-apa kata laluan, PIN, TPIN, nama pengguna, cip dan/atau strip elektronik terenkod, sijil digital atau apa-apa kod keselamatan lain seperti yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa) yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan dan, jika dibenarkan oleh Bank, kepada Pengguna yang Dibenarkan untuk menyengetarakan Akaun dan mengakses Perkhidmatan Elektronik. Terma "Kod Keselamatan" hendaklah merujuk kepada kod keselamatan berkaitan untuk Perkhidmatan Elektronik yang berkaitan.
- m) "Perkhidmatan" bermaksud perkhidmatan dan Perkhidmatan Elektronik yang dijelaskan dalam **Bahagian 3** di dalam ini dan termasuk apa-apa perkhidmatan tambahan lain atau perkhidmatan baru yang disediakan oleh Bank.
- n) "Terma & Syarat" bermaksud terma dan syarat ini dan hendaklah termasuk apa-apa perubahan, pengubahan dan tambahan yang dibuat padanya oleh Bank.
- o) "TPIN" bermaksud nombor pengenalan peribadi yang dikeluarkan oleh Bank kepada pelanggan dan jika dibenarkan oleh Bank, kepada Pengguna yang Dibenarkan, sebagai pengenalan pelanggan melalui telefon atau melalui apa-apa cara elektronik lain seperti yang dikehendaki oleh Bank dan termasuk apa-apa TPIN lain yang mungkin dikeluarkan oleh Bank dan semua perubahan padanya oleh Pelanggan atau Pengguna yang Dibenarkan, mengikut mana yang berkenaan, dari semasa ke semasa.

1.2 PENTAFSIRAN

- a) Perkataan yang bermaksud tunggal hendaklah termasuk juga jamak dan sebaliknya. Perkataan yang bermaksud jantina lelaki hendaklah juga termasuk wanita dan jantina neuter dan sebaliknya.
- b) Judul dalam Terma dan Syarat ini dimasukkan untuk kemudahan rujukan sahaja dan tidak menjejaskan pentafsiran Terma dan Syarat ini.
- c) Melainkan dinyatakan sebaliknya, rujukan kepada masa sesuatu hari itu hendaklah ditafsirkan sebagai masa di Malaysia.
- d) Apa-apa rujukan terhadap peruntukan apa-apa perundangan atau status termasuk juga apa-apa perubahan statutori atau pengubahan semula padanya.
- e) Di mana ada dua atau lebih orang yang terkandung dalam terma "Pelanggan":
 - (i) arahan, perjanjian, aku janji, obligasi yang dinyatakan akan dikeluarkan atau diberikan oleh atau dibuat oleh seorang, hendaklah disifatkan sebagai dikeluarkan atau diberikan atau dibuat oleh dan mengikat orang tersebut secara besesama atau berasingan; dan
 - (ii) apa-apa notis yang diberikan oleh Bank kepada mana-mana satu orang tersebut adalah notis yang mencukupi kepada semua pemegang akaun dan apa-apa notis atau arahan yang dikeluarkan oleh salah seorang daripada pemegang akaun Bank hendaklah disifatkan sebagai telah dikeluarkan bagi pihak semua pemegang akaun dan Bank adalah berhak untuk mengambil tindakan terhadap dan bergantung pada notis atau arahan tersebut tanpa apa-apa pertanyaan.

Sekiranya Pelanggan telah melantik Pengguna yang Dibenarkan atau Pengguna-Pengguna yang Dibenarkan, semua rujukan untuk maksud "Pelanggan" hendaklah juga merujuk kepada Pengguna yang Dibenarkan atau Pengguna-Pengguna yang Dibenarkan olehnya itu.

- f) Apa-apa peruntukan, kebebasan, kuasa atau budi bicara yang mungkin diamalkan atau ditentukan oleh Bank di bawah ini boleh dilaksanakan atau dibuat mengikut budi bicara mutlak dan tidak terbelenggu Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dan Bank tidak berada di bawah apa-apa obligasi untuk memberikan apa-apa alasan terhadapnya.

2. PEMBUKAAN DAN LANGGANAN PERKHIDMATAN

- 2.1 Melainkan dinyatakan sebaliknya di bawah Terma dan Syarat ini, Akaun dan Perkhidmatan hendaklah dibekalkan kepada orang perseorangan, pemilik tunggal, perkongsian, syarikat, masyarakat, badan statutori dan entiti seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Bank.
- 2.2 Pembukaan Akaun dan langganan Perkhidmatan dibuat melalui borang permohonan masing-masing atau dalam apa-apa cara yang ditetapkan oleh Bank dan adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan prosedur Bank (termasuklah seperti umur, deposit minimum, rujukan, maklumat dan dokumen sokongan yang boleh diterima oleh Bank) dan kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam borang permohonan berkenaan. Sekiranya berlaku percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan terma dan syarat dalam borang permohonan, maka terma dan syarat dalam borang permohonan adalah diguna pakai. Bank boleh mengubah syarat tersebut tanpa memberi notis kepada mana-mana orang.
- 2.3 Bank berhak untuk menolak apa-apa permohonan untuk membuka apa-apa Akaun atau langganan apa-apa Perkhidmatan tanpa memberikan apa-apa alasan dan pembukaan, penyenggaraan dan penutupan Akaun dan langganan tersebut, penggunaan dan penamatan Perkhidmatan itu adalah atas budi bicara mutlak Bank.
- 2.4 Dengan memohon untuk membuka Akaun atau melanggan Perkhidmatan, Pelanggan secara tak boleh batal membenarkan atau memberi kuasa kepada Bank untuk melaksanakan semakan kredit dan mengesahkan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank, sama ada dalam permohonan tersebut atau lain-lain lain, dengan mana-mana pihak ketiga (termasuk tetapi tidak terhad kepada dengan apa-apa biro kredit atau apa-apa organisasi atau perbadanan yang ditubuhkan untuk tujuan mengutip dan membekalkan maklumat kredit atau maklumat lain) berkaitan dengan Pelanggan.

3. ARAHAN DAN NOTIS DARIPADA PELANGGAN

- 3.1 Semua notis yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank mesti dihantar kepada CAWANGAN Akaun itu dibuka/disenggarakan dan hendaklah disampaikan secara pos, perkhidmatan kiriman cepat, teleks, kabel, faksimile atau cara lain seperti yang dibenarkan oleh Bank dan notis tersebut dianggap diterima apabila Bank memperakui penerimaan notis tersebut.
- 3.2 Bank adalah berhak untuk bergantung pada dan bertindak atas arahan Pelanggan, sama ada secara lisan atau bertulis dan sama ada disampaikan melalui telefon, pos, teleks, kabel atau faksimile atau alat elektronik lain. Tanpa menjejaskan keluasan makna apa-apa peruntukan dalam Terma dan Syarat ini, Bank berhak bertindak atas apa-apa arahan atau notis daripada Pelanggan sama ada atau tidak bergantung pada tandatangan yang dikemukakan kepada Bank, dengan merujuk kepada nama dan tandatangan yang difaikan kepada Bank, sebagai tanda tangan :
- (a) Pelanggan, atau
- (b) Mana-mana orang yang dibenarkan oleh Pelanggan untuk mengeluarkan apa-apa notis atau apa-apa arahan sekali pun bagi pihak Pelanggan,

tanpa pertanyaan oleh Bank bagi menanggung rugi orang yang memberi atau dimaksudkan memberi notis atau arahan sedemikian atau bagi kesahihan notis atau arahan sedemikian walaupun kemudiannya ditunjukkan bahawa ia tidak diberikan oleh atau bagi pihak Pelanggan. Hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini tidak terjejas oleh salah guna komunikasi sedemikian. Risiko notis atau arahan ini diberikan oleh orang yang tidak dibenarkan, sapa-apa salah faham atau apa-apa kesilapan, kerugian atau penangguhan yang berakibat daripada penggunaan telefon, perkhidmatan pos, teleks, peralatan kabel, penghantaran faksimile atau alat elektronik lain adalah keseluruhannya merupakan

risiko Pelanggan dan Pelanggan hendaklah menanggung rugi Bank terhadap segala kerugian, kerosakan, tuntutan, permintaan, kos dan semua tanggungan yang mungkin dikenakan atau ditanggung berakibat daripada penerimaan atau tindakan atas arahan itu. Penerimaan dan tindakan oleh Bank atas apa-apa arahan oleh Pelanggan adalah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Bank.

3.3 Tertakluk kepada Fasal 3.1, Pelanggan hendaklah dengan segera memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan yang mungkin secara langsung atau tidak langsung menjejaskan penyenggaraan Akaun dan/atau Perkhidmatan termasuk tetapi tidak terhad kepada perubahan nama, alamat, butiran perhubungan, status residen, perlembagaan atau komposisi tuan punya tunggal atau firma/perkongsian pelanggan, tandatangan yang dibenarkan/Pengguna yang Dibenarkan atau butiran Pelanggan atau Akaun dengan cara memberikan notis bertulis kepada Bank, dan sekiranya gagal, Bank adalah berhak untuk bergantung pada butiran akhir yang diberikan yang didaftarkan dengan Bank. Apabila Pelanggan mengarahkan supaya Bank menukar apa-apa butirannya atau mengubah apa-apa arahan dengan segera, (termasuk penutupan Akaun atau Akaun-akaun atau penamatan Perkhidmatan atau mana-mana bahagiannya), Bank hendaklah melaksanakannya sekurang-kurangnya dalam masa tiga (3) Hari Perniagaan (atau apa-apa tempoh masa lain seperti yang dinyatakan oleh Bank) selepas menerima notis tersebut dengan syarat notis bertulis tersebut dihantar kepada cawangan di mana Akaun dibuka/disenggarakan.

3.4 Dalam mana-mana perkara yang berikut:

- (i) sekiranya ada apa-apa arahan/perubahan arahan atau pembatalan arahan diterima oleh Bank, yang mana pihak berkuasa Bank berasa sangsi; atau
- (ii) sekiranya terdapat perubahan pada nama, perlembagaan atau komposisi atau pembubaran pelanggan sama ada disebabkan oleh persaraan, peletakan jawatan, ketakupayaan, kebangkrutan, penggulungan, ketaksolvenan atau lain-lain; atau
- (iii) sekiranya pada pendapat sendiri Bank terdapat pertikaian berkaitan dengan apa-apa Akaun;

Bank boleh:

- (a) menggantung Akaun atau Akaun-akaun itu, mengikut mana yang berkenaan, sehinggalah Bank menerima arahan bertulis daripada semua pemegang akaun/rakan kongsi/pengarah berhubung dengan pelanggan atau daripada pihak (pihak-pihak) yang Bank pada pandangan sendirinya mempunyai kuasa di sisi undang-undang untuk memberikan arahan ke atas Akaun atau Akaun-akaun itu; atau
- (b) menutup Akaun atau Akaun-akaun itu.

3.5 Pihak Bank berhak untuk merekod semua perbualan telefon dan Arahan dan pelanggan bersetuju akan Pihak Bank berhak untuk menggunakan rekod-rekod dan transkrip tersebut sebagai bahan bukti sekiranya berlaku percanggahan. Pelanggan mengaku bahawa Pihak Bank hanya akan perlu melakukan Arahan seperti yang sewajarnya dan mengikut amalan, prosedur dan polisi perniagaan biasa dan seterusnya boleh atas budi bicaranya menolak mana-mana Arahan tanpa sebarang liabiliti kepada Pelanggan.

4. NOTIS DARIPADA BANK

4.1 Atas budi bicara mutlak Bank, Bank boleh memberikan apa-apa komunikasi atau notis kepada Pelanggan melalui apa-apa cara atau kaedah yang disifatkan sesuai oleh Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada cara pos, pemberitahuan melalui media massa, dengan mengespos notis itu ke cawangan Bank, dengan memasukkan notis itu ke dalam penyata akaun berkala, melalui pindahan elektronik (termasuk melalui faksimile, telefon bimbit, peranti lain atau Internet) atau dengan menghantarnya ke laman web Bank atau di ATM atau terminal lain di bawah kawalan Bank.

4.2 Notis atau komunikasi sedemikian daripada Bank:

- a) sekiranya dihantar melalui pos atau hantar tangan atau perkhidmatan kiriman hendaklah disifatkan sebagai telah diserahkan kepada Pelanggan sekiranya dialamatkan kepada Pelanggan ke alamatnya yang didaftarkan dengan Bank dan perkhidmatan hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat:
 - (i) dalam tempoh (3) tiga hari selepas dihantar sekiranya dihantar dalam Malaysia dan dalam tempoh (5) lima hari selepas dihantar sekiranya dihantar ke luar Malaysia; atau
 - (ii) diserahkan kepada hari yang sama di alamat Pelanggan seperti yang didaftarkan dengan Bank sekiranya dihantar tangan atau melalui perkhidmatan kiriman cepat; atau
- (b) sekiranya dihantar melalui komunikasi elektronik (termasuk melalui faksimile, telefon bimbit atau peranti lain atau melalui Internet), hendaklah disifatkan sebagai telah diserahkan kepada Pelanggan dengan cara menghantarnya ke nombor faksimile berkenaan, telefon bimbit nombor peranti, e-mel atau alamat lain Pelanggan yang didaftarkan dengan Bank dan perkhidmatan hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat sebaik sahaja penghantaran dilakukan; atau
- (c) sekiranya dihantar ke cawangan, di laman web Bank atau media massa, notis berkenaan hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu dan sekiranya tiada tarikh dinyatakan ia disifatkan sebagai telah dihantar pada tarikh penghantaran atau penyiaran.

5. DEPOSIT DAN PENGELUARAN WANG

- 5.1 Simpanan dan pengeluaran wang mesti dibuat seperti cara yang ditetapkan oleh Bank tertakluk kepada syarat-syarat Bank atas simpanan minimum, pengeluaran wang dan baki minimum yang perlu ada dalam Akaun. Bank boleh menolak atau menghendaki dan/atau melaksanakan borang atau dokumen yang disifatkannya perlu bagi apa-apa pengeluaran wang atau borang simpanan atau dokumen yang tidak lengkap. Bank berhak untuk menetapkan apa-apa jumlah minimum untuk menyenggarakan setiap Akaun dan boleh mengubah jumlah minimum yang perlu disenggarakan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.
- 5.2 Sekiranya simpanan dibuat di cawangan Bank atau melalui apa-apa Terminal Elektronik, Pelanggan perlu memeriksa bahawa butiran urus niaga tersebut, yang diberikan kepada Pelanggan apabila selesai berurusan, adalah betul sebelum meninggalkan premis Bank atau Terminal Elektronik. Sekiranya ada kesilapan, Pelanggan hendaklah dengan segera melaporkannya kepada Bank.
- 5.3 Dalam kes pemindahan bertelegraf/mel/elektronik dalam mata wang asing yang berpihak kepada Akaun tanpa persetujuan kadar pertukaran ke Ringgit Malaysia (RM), Bank berhak untuk memutuskan, tetapi tidak terikat untuk melakukannya, menukarkan kadar mata wang asing itu untuk tujuan mengkreditkan pemindahan bertelegraf/mel/elektronik tersebut ke dalam Akaun.
- 5.4 Apabila Pelanggan menggunakan apa-apa perkhidmatan pos (termasuk sampul mel prabayar), perkhidmatan kiriman cepat atau hantar tangan untuk menyerahkan apa-apa cek atau dokumen kepada Bank, Pelanggan hendaklah menanggung risiko apa-bagi apa kelewatan atau risiko cek atau dokumen tidak sampai atau lewat sampai.
- 5.5 Cek luar, wang dan kiriman pos boleh diterima sebagai kutipan tetapi hasilnya tidak akan dikreditkan atau dikeluarkan daripada Akaun, sehinggalah bayaran diterima daripada Bank, melainkan Pelanggan telah mengaturnya lebih awal dengan Bank. Bank berhak untuk tidak menerima cek kutipan atau apa-apa surat cara kewangan lain yang pada pandangan sendiri Bank atau luar biasa dalam apa-apa cara sekali pun atau yang mungkin diubah dalam apa-apa cara walaupun perubahan-perubahan atau salah aturan itu telah ditandatangani balas oleh penyuruh bayar. Bank juga berhak untuk membayar balik apa-apa wang yang bukan diniatkan untuk Akaun itu.

- 5.6 Semua buku cek/helaian cek dan buku simpanan hendaklah disimpan dengan selamat. Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan segera sekiranya buku simpanan/buku cek atau helaian cek atau resit simpanan hilang atau apa-apa cek yang tidak dibenarkan apabila disedari. Bank tidak menerima tanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan sekiranya ada mana-mana orang memiliki buku cek tersebut atau helaian cek/buku simpanan/resit simpanan dan dengan cara tidak sah di sisi undang-undang memperoleh bayaran bagi apa-apa jumlah wang pun yang menjadi kepunyaan Pelanggan.
- 5.7 Cek dan surat cara boleh niaga yang dibayar yang tidak laku hendaklah diambil balik oleh Pelanggan secara peribadi atau oleh wakil yang diberi kuasa atau dipulangkan melalui pos kepada Pelanggan ke alamat akhir yang didaftarkan dengan Bank atas risiko dan perbelanjaan Pelanggan.
- 5.8 Bank boleh menolak apa-apa simpanan atau membenarkan apa-apa pengeluaran wang sekiranya berlaku kerosakan atau kegagalan sistem dalam talian yang menjejaskan mana-mana cawangan-cawangan Bank sama ada kerosakan atau kegagalan itu berlaku seluruhnya atau sebahagian.
- 5.9 Bank secara muktamad boleh menentukan susunan keutamaan bayaran apa-apa wang menurut apa-apa arahan bayaran atau pengeluaran wang daripada Akaun yang mungkin diberikan oleh Pelanggan kepada Bank sama ada secara bertulis atau melalui apa-apa Perkhidmatannya.
- 5.10 Bank berhak untuk membayar kepada Pelanggan apa-apa jumlah wang yang dikeluarkan sama ada melalui satu atau kombinasi (i) tunai; (ii) mengeluarkan cek jurubank/draf jurubank; dan/atau (iii) apa-apa bentuk kiriman wang.

6. HAD URUSNIAGA

- 6.1 Semua pengeluaran wang tunai antara cawangan hanya boleh dibuat di cawangan Bank (melainkan dinyatakan sebaliknya) dalam Malaysia tertakluk kepada syarat tersebut (termasuk had pengeluaran) dan pengeluaran dan/atau pelaksanaan dokumen sedemikian seperti yang Bank sifatkan sebagai perlu.
- 6.2 Melainkan diarahkan selainnya oleh Pelanggan atau sekiranya Pelanggan tidak menentukan had, Bank berhak menetapkan dan mengenakan apa-apa had sama ada dalam jumlah, kekerapan, penggunaan operasi apa-apa Perkhidmatan atau Akaun. Pelanggan akan dimaklumkan tentang had tersebut sekiranya diminta oleh Pelanggan. Pelanggan boleh mengubah had urus niaga yang dilakukan itu dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Bank. Bank tidak terikat untuk mematuhi permintaan Pelanggan untuk mengubah had.

7. DANA YANG MENCUKUPI

Pelanggan hendaklah memastikan adanya dana yang mencukupi dan jelas di dalam Akaun untuk melaksanakan apa-apa urus niaga yang diarahkan oleh pelanggan melainkan Pelanggan telah mengaturnya lebih awal dengan Bank dan yang Bank telah bersetuju mengenainya secara bertulis.

8. PEMEGANG AKAUN BERSAMA

- 8.1 Pemegang akaun adalah secara bersejajarnya berhak terhadap apa-apa deposit, pelaburan atau baki kredit dalam Akaun (sama ada simpanan, simpanan tetap, akaun semasa atau akaun lain)
- 8.2 Di mana sesuatu Akaun dibuka atau dikekalkan dengan Bank adalah akaun bersama, setiap seorang pemegang akaun memberikan hak pada Bank untuk menuntut dan menerima atas kredit bagi akaun bersama mana-mana cek berbayar kepada salah seorang pemegang akaun bersama secara persendirian atau kepada dua atau lebih secara bersama dan bersetuju bahawa Bank tidak perlu

berkaitan dengan bagaimana dana itu dikredit atau dikeluarkan asalkan aplikasi sedemikian atau pengeluaran adalah berdasarkan mandat yang telah diberikan kepada Bank, mana-mana arahan tetap (standing instructions) yang diberikan atau mengikut mana-mana terma dan syarat berkenaan Akaun sebagaimana di pinda dari semasa ke semasa.

- 8.3 Sebaik sahaja menerima notis kematian mana-mana orang atau lebih pemegang akaun bersama, Bank adalah berhak untuk membayar deposit, baki kredit atau pelaburan, mengikut mana yang berkenaan, kepada pemegang akaun yang masih hidup dan sekiranya terdapat lebih daripada seorang, atas nama bersama mereka dengan syarat sebelum bayaran tersebut dibuat Bank adalah berhak untuk menolak selesai keterhutangan mana-mana pemegang akaun bersama di bawah apa-apa akaun dengan Bank dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam Kumpulan OCBC daripada deposit, pelaburan atau baki kredit. Bank boleh membenarkan pemegang akaun atau pemegang-pemegang akaun yang masih hidup meneruskan penyenggaraan Akaun tertakluk kepada pemenuhan terma dan syarat seperti yang mungkin dikenakan oleh Bank.
- 8.4 Semua arahan berkaitan dengan Akaun, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berkaitan dengan penyenggaraan dan penutupan Akaun atau penggantungan atau penamatan Perkhidmatan, pertukaran alamat, penyekatan surat atau butiran lain pemegang akaun yang didaftarkan dengan Bank atau apa-apa maklumat lain, hendaklah diberi secara bertulis (atau dengan apa-apa cara yang dibenarkan oleh Bank) oleh semua pemegang akaun bersama, melainkan diarahkan selainnya secara bertulis oleh semua pemegang akaun bersama. Semua pemegang akaun bersama hendaklah secara bersejajarnya dan berasingan bertanggungjawab terhadap semua urusan niaga yang timbul daripada arahan tersebut. Sekiranya Bank menerima arahan yang bercanggah, sama ada daripada salah seorang atau orang-orang yang dibenarkan, Bank boleh memilih untuk bertindak atas mandat daripada semua pemegang akaun bersama.

9. AKAUN PERKONGSIAN

- 9.1 Sekiranya Pelanggan adalah rakan kongsi, Pelanggan bersetuju bahawa semua rakan kongsi hendaklah secara bersejajarnya atau berasingan bertanggungjawab dan bertanggungjawab kepada Bank atas semua wang dan liabiliti yang ditanggung oleh semua atau salah seorang daripada rakan kongsi kepada Bank sama ada atas nama atau bagi pihak firma perkongsian atau selainnya. Apabila mana-mana rakan kongsi berhenti daripada menjadi ahli firma perkongsian melalui kematian, kebangkrutan atau persaraan atau selainnya, Bank atas budi bicaranya boleh memperlakukan rakan kongsi yang masih hidup dan berterusan pada masa ini sebagai mempunyai kuasa sepenuhnya untuk menjalankan perniagaan firma perkongsian itu dan mengendalikan aset seolah-olah tiada perubahan berlaku dalam firma perkongsian tersebut.
- 9.2 Sekiranya **Fasal 9.1** berlaku, Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan atau mana-mana pihak bagi apa-apa kos, kerugian, kerosakan (termasuk kos guaman antara peguam cara dan kliennya) yang dikenakan atau ditanggung oleh salah seorang daripada mereka yang timbul daripada penerimaan apa-apa arahan yang diberikan oleh rakan-rakan kongsi yang tinggal.

10. FAEDAH

- 10.1 Faedah jika ada, hendaklah dibayar oleh Bank mengikut kekerapan dan pada kadar yang ditentukan oleh Bank.
- 10.2 Tiada faedah perlu dibayar oleh Bank berhubung dengan perkara belum bayar dan Bank akan berhak untuk menyelaraskan apa-apa faedah yang terakru atau dikreditkan berhubung dengan perkara ini.
- 10.3 Faedah atas simpanan tetap akan terhenti pada tarikh akhir.

11. YURAN, CAJ DAN CUKAI

- 11.1 Bank adalah berhak untuk mengenakan atau memotong daripada Akaun yang berikut:

- (a) kos, yuran dan caj, termasuk caj bank yang biasa, komisen, duti setem ke atas urus niaga yang dilakukan dan untuk Perkhidmatan yang disediakan oleh Bank mengikut kadar yang diguna pakai dari semasa ke semasa;
- (b) apa-apa caj ke atas Akaun atau Perkhidmatan yang dikira mengikut peraturan mana-mana badan/persatuan/pihak berkuasa yang mengawal atau Bank;
- (c) apa-apa cukai nilai tambah, barang-barang dan cukai perkhidmatan, cukai pegangan atau cukai lain, levi atau caj apa-apa pun yang dikenakan atau untuk apa-apa urus niaga atau Perkhidmatan atau atas apa-apa jumlah atau faedah yang perlu dibayar kepada Pelanggan yang sekarang atau selepas ini dikenakan oleh undang-undang atau perlu dikenakan; dan
- (d) apa-apa yuran guaman dan kos (pada asas peguam cara dan klien) yang dikenakan oleh Bank bagi apa-apa interplider, pemulihan atau apa-apa prosiding lain.

Sekiranya Akaun tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk membayar yuran, caj atau cukai yang dijelaskan di atas, jumlah wang itu adalah genap masa untuk dibayar dan masih terhutang oleh Pelanggan dan, faedah hendaklah dikenakan pada Kadar Berlebihan dari tarikh jumlah wang itu terlebih guna atau terhutang sehinggalah bayaran penuh dibuat. "Kadar Berlebihan" bermaksud kadar 2.5% setahun melebihi kadar pinjaman asas Bank (atau kadar lain yang mungkin di tentukan oleh Bank) termasuklah apa-apa kadar lain atau cara pengiraan seperti yang mungkin ditetapkan oleh Bank.

11.2 Yuran dan caj yang boleh dikenakan ke atas Akaun dan Perkhidmatan boleh diperolehi atas permintaan atau diperoleh daripada cawangan Bank, laman web atau apa-apa saluran penyampaian lain Bank. Bank berhak untuk mengubah yuran dan caj tersebut tanpa memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan.

11.3 Obligasi Pelanggan untuk membayar semua jumlah yang belum dijelaskan yang terhutang di bawah Terma dan Syarat ini kepada Bank akan mengatasi penamatan hubungan bank-pelanggan.

12. PENUTUPAN AKAUN DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN

12.1 Akaun Dorman: Sekiranya tiada urus niaga dibuat ke atas apa-apa Akaun dalam tempoh masa yang dinyatakan oleh Bank, Bank boleh menganggapnya sebagai Akaun dorman dan boleh mengenakan caj atau yuran ke atas Akaun itu dan menutup Akaun itu dengan memberikan notis kepada Pelanggan.

12.2 Bank boleh menutup Akaun itu atau menarik balik, menggantung atau menamatkan apa-apa atau semua Perkhidmatan dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan (sama ada secara bertulis atau sebaliknya) dan tanpa memberikan apa-apa alasannya. Tanpa menjejaskan peruntukan fasal ini, Bank juga boleh menutup apa-apa Akaun atau menarik balik, menggantung atau menamatkan apa-apa Perkhidmatan menurut apa-apa garis panduan atau peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau apa-apa pihak berkuasa atau badan berkanun.

12.3 Pelanggan boleh menamatkan Akaun atau menggantung atau menamatkan penggunaan apa-apa Perkhidmatan dengan memberikan notis bertulis kepada Bank.

12.4 Apabila Akaun ditutup sama ada oleh Pelanggan atau Bank, semua buku cek, helaian cek yang tidak digunakan yang dikeluarkan kepada Pelanggan berhubung dengan akaun semasa hendaklah dipulangkan kepada Bank. Apabila menamatkan Perkhidmatan berkenaan sama ada oleh Pelanggan atau Bank, Kod Keselamatan hendaklah dimusnahkan atau dipulangkan kepada Bank sekiranya Bank menghendaki berbuat demikian. Buku cek/helaian cek dan Kod Keselamatan adalah hak Bank, dan hendaklah dipulangkan kepada Bank jika diminta berbuat demikian.

- 12.5 Caj perkhidmatan bagi sejumlah wang seperti yang mungkin ditetapkan oleh Bank akan dikenakan sekiranya apa-apa Akaun ditutup dalam tempoh tiga bulan (atau bagi tempoh yang ditetapkan oleh Bank) dari tarikh Akaun berkenaan dibuka.
- 12.6 Sekiranya terdapat apa-apa wang yang dikreditkan dalam Akaun itu, liabiliti Bank akan dilepaskan setelah Bank menyerahkan atau menghantar hasilnya dalam bentuk cek bank/draf bank atau apa-apa bentuk kiriman wang kepada Pelanggan ke alamat akhirnya yang didaftarkan di Bank.
- 12.7 Sekiranya jumlah wang itu termasuk apa-apa faedah yang terakru ke dalam kredit Akaun itu dikirim kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut menurut Akta Wang Tak Dituntut 1965 atau apa-apa statutori yang dipinda padanya, Akaun itu kemudiannya akan ditutup.

13. PENYATA ATAU REKOD AKAUN

- 13.1 Bagi akaun berasaskan penyata, penyata hendaklah diserahkan sebulan sekali atau pada sela masa tertentu seperti yang ditetapkan oleh Bank.
- 13.2 Bank akan menghantar penyata akaun bagi setiap Akaun atau menghantar penyata bergabung bagi semua Akaun dan gabungan jenis akaun dalam penyata ini adalah tertakluk kepada perubahan.
- 13.3 Rekod Bank bagi urus niaga Akaun itu adalah terakhir dan muktamad dan mengikat Pelanggan bagi semua tujuan jika tiada kesilapan yang nyata. Urus niaga yang tidak disahkan oleh Bank tidak akan muncul dalam penyata dan adalah tidak muktamad bagi kedudukan Akaun itu.
- 13.4 Pelanggan hendaklah mengesahkan semua masukan dalam apa-apa penyata Atau rekod yang dikeluarkan oleh Bank dan memaklumkan kepada Bank secara bertulis (atau cara lain yang dibenarkan oleh Bank) bagi apa-apa kesilapan atau selisih dalam penyata atau rekod dalam tempoh 14 hari (atau dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Bank) dari tarikh penyata atau rekod itu. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa pemberitahuan dalam tempoh masa yang ditetapkan itu, masukan di dalam penyata atau rekod itu hendaklah disifatkan sebagai betul, mengikat, dan terakhir dan muktamad. Bank adalah berhak untuk mengembalikan apa-apa masukan yang terkandung di dalamnya pada bila-bila masa tanpa menyentuh penerimaan oleh Pelanggan.
- 13.5 Apabila menerima notis sedemikian daripada Pelanggan dalam tempoh yang ditetapkan, Bank hendaklah menyemak Akaun berkaitan untuk membuat pelarasan dan pembetulan yang sepatutnya jika ada. Apa-apa jumlah wang yang terhutang kepada Pelanggan atau oleh Pelanggan hendaklah dikreditkan atau didebitkan daripada Akaun atau Akaun-akaun berkaitan.

14. AKAUN GANTUNG

Bagi membolehkan Bank menyimpan dalam keadaan baik liabiliti Pelanggan sebaik saja writ saman dikeluarkan atau untuk membuktikan kebangkrapan atau ketaksolvenan Pelanggan atau bagi apa-apa alasan lain seumpamanya sebagaimana yang Bank fikirkan wajar, Bank pada bila-bila masa dan tempat, boleh menyimpan dalam tempoh masa yang Bank fikirkan bijak, apa-apa wang yang diterima, diperoleh kembali, atau direalisasikan menurut dokumen ini atau di bawah apa-apa jaminan atau gerenti kepada kredit akaun berasingan atas nama Pelanggan yang Bank fikirkan wajar tanpa apa-apa obligasi serta-merta di pihak Bank untuk melaksanakannya atau mana-mana bahagian daripadanya dalam atau untuk menjelaskan jumlah wang yang genap masa untuk dibayar dan yang masih terhutang itu kepada Bank.

15. TOLAK SELESAI & PENYATUAN

- 15.1 Bank, dengan memberi notis, boleh menggabungkan atau menyatukan semua atau apa-apa Akaun Pelanggan dengan Bank walau apa-apa deskripsi atau di mana-mana sahaja lokasi sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa mata wang lain dan menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah kredit yang tersedia bagi apa-apa Akaun sedemikian termasuklah akaun bersama untuk menjelaskan semua jumlah wang yang terhutang kepada Bank di bawah apa-apa akaun Pelanggan dengan Bank, dan Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk melaksanakan penggabungan, penyatuan, tolak selesai atau pemindahan itu dengan pertukaran tertentu pada kadar pertukaran Bank yang diguna pakai yang akan ditetapkan oleh Bank.

- 15.2 Bank, dengan memberi notis, boleh memindahkan apa-apa jumlah berbaki atas kredit bagi mana-mana Akaun Pelanggan dengan Bank walau apa-apa deskripsi atau di mana-mana sahaja lokasi sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa mata wang lain, Akaun sedemikian termasuklah akaun bersama bertujuan menjelaskan semua atau apa-apa jumlah yang terhutang dari mana-mana akaun Pelanggan dengan mana-mana ahli dari Kumpulan OCBC. Pelanggan dengan ini memberi kuasa yang tidak boleh dibatalkan kepada Bank untuk melaksanakan pemindahan tersebut dengan pertukaran yang perlu pada kadar pertukaran Bank yang diguna pakai yang akan ditetapkan oleh Bank.

16. TANGGUNG RUGI

Pelanggan adalah bertanggungjawab bagi apa-apa tanggung rugi Bank terhadap apa-apa tuntutan, prosiding, kerugian, kerosakan dan kos (termasuk kos guaman atas hubungan peguam cara dengan klien sendiri) yang dikenakan dan/atau ditanggung oleh Bank yang timbul daripada penerimaan apa-apa arahan yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank atau sebagai hasil daripada apa-apa tindakan atau tinggalkan atau pelanggaran apa-apa Terma dan Syarat ini oleh Pelanggan. Liabiliti oleh Pelanggan adalah liabiliti berterusan dan akan kekal dalam kuat kuasa penuh dan berkuat kuasa sehingga dijelaskan keseluruhannya walaupun hubungan pelanggan – bank ditamatkan.

17. HAD LIABILITI

- 17.1 Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Pelanggan berhubung dengan item-item yang disimpan di bank sama ada hilang, musnah atau tertanggung semasa proses penjelasan.
- 17.2 Dengan tidak menyentuh apa-apa peruntukan dalam perjanjian ini, Bank adalah tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga bagi apa-apa kerosakan, kerugian kehilangan untung atau pendapatan (sama ada secara langsung atau tidak langsung), nama baik atau apa-apa kerugian atau kerosakan khusus/teladan secara langsung atau kerugian berbangkit yang timbul walau apa-apa pun atau bagaimana cara sekali pun walaupun sekiranya Bank telah dimaklumkan tentang kemungkinan berlakunya kerugian, kerosakan atau tuntutan tersebut oleh mana-mana pihak.
- 17.3 Tertakluk kepada peruntukan di dalam perjanjian ini, liabiliti tunggal dan menyeluruh Bank kepada Pelanggan dalam kontrak, tort (termasuk kecuaiian atau pelanggaran kewajipan statutori) atau selainnya walau apa-apa pun yang timbul menurut Terma dan Syarat ini hendaklah tidak melebihi jumlah urusan niaga yang menyebabkan timbulnya tuntutan tersebut atau kerosakan langsung yang ditanggung, mengikut mana yang lebih rendah.
- 17.4 Setiap peruntukan dalam **Fasal 17** hendaklah ditafsirkan sebagai limitasi berasingan dan diguna pakai serta mengatasi jika atas apa-apa sebab sekalipun, satu daripada peruntukan lain itu adalah tidak diguna pakai atau diputuskan tidak wajar dalam apa-apa keadaan sekalipun dan hendaklah kekal berkuat kuasa walaupun Akaun dan Perkhidmatan telah ditamatkan.
- 17.5 Tidak ada mana-mana cawangan Bank dalam apa-apa jua bidang kuasa atau apa-apa syarikat dalam Kumpulan OCBC dalam apa-apa keadaan sekalipun bertanggungjawab kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain berhubung dengan obligasi dan liabiliti Bank di bawah Terma dan Syarat ini.
- 17.6 **INSENTIF DAN FAEDAH YANG TIMBUL DARIPADA PENAMATAN PERHUBUNGAN BANK DENGAN RAKAN NIAGA**

Apa-apa pengaturanan yang dilakukan lebih awal dengan Bank dengan rakan niaganya untuk memberikan insentif dan faedah kepada pelanggan Bank, sama ada dalam bentuk ketara atau tidak ketara, adalah tertakluk kepada terma dan syarat lain yang dikenakan oleh Bank dan mungkin juga tertakluk kepada pertukaran atau penamatan perkongsian oleh Bank dan rakan niaganya secara bersesama atau secara sepihak. Insentif atau faedah itu hendaklah disifatkan sebagai diterima oleh Pelanggan secara sukarela dan Bank dan rakan niaganya tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa bentuk

tuntutan yang timbul daripada ancaman atau ketidakpuasan daripada penggunaannya atau salah penggunaannya.

18. FORCE MAJEURE

18.1 Tanpa menyentuh apa-apa pun peruntukan dalam perjanjian ini, Bank adalah tidak bertanggung kepada Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga:

- (a) bagi apa-apa ketidakselesaan, kecederaan, apa-apa kerosakan, kehilangan untung atau pendapatan (sama ada secara langsung atau tidak langsung), nama baik atau apa-apa kerugian dan kerosakan khusus/teladan, secara langsung atau berakibat daripadanya dengan apa cara sekalipun atau bagaimana cara sekalipun timbul sekiranya Bank gagal melaksanakan apa-apa obligasi di bawah Terma dan Syarat ini atau menyediakan apa-apa Perkhidmatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Force Majeure.
- (b) bagi apa-apa perbelanjaan, kerugian, kerosakan, liabiliti atau keadaan lain yang ditanggung atau dikenakan oleh Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga lain sekiranya dana yang dikreditkan atau didebitkan daripada Akaun hilang nilainya disebabkan oleh cukai, susut nilai atau sudah tidak ada lagi disebabkan oleh sekatan (yang timbul walau apa cara sekalipun) terhadap kebolehtukaran, pemindahan paksaan, distress walau apa sifat sekalipun atau Force Majeure.

18.2 Sekiranya mata wang yang dinamakan yang Bank mempunyai obligasi untuk membayar tidak lagi dapat diperoleh disebabkan oleh sekatan terhadap kebolehtukaran, pemindahan, pemindahan paksaan, distress walau apa sifat sekalipun atau Force Majeure, Bank hendaklah disifatkan sebagai telah memenuhi obligasi untuk membayarnya dengan membuat bayaran dalam mata wang asing lain itu seperti yang Bank fikirkan wajar.

19. PENDEDAHAN

19.1 Tertakluk kepada arahan Pelanggan menghadkan pendedahan, pelanggan secara tidak boleh batal dan tidak bersyarat hendaklah membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank dan pegawai-pegawainya untuk mendedahkan kedudukan kewangan Pelanggan, butiran akaun, hubungan akaun dengan Bank termasuk baki kredit kepada Bank Negara Malaysia, apa-apa pihak berkuasa kerajaan dan agensi kerajaan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain, Sistem Maklumat Cek Tak Layan atau Dishonoured Cheque Information System (DCHEQS), Sistem Maklumat Rujukan Kredit atau Central Credit Reference Information System (CCRIS), atau apa-apa biro atau syarikat yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpulkan dan membekalkan maklumat kredit atau maklumat lain, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, mana-mana penjamin (penjamin-penjamin), mana-mana orang yang memberikan jaminan kepada liabiliti Pelanggan di bawah apa-apa Akaun, pihak- (pihak-pihak) yang mencadangkan atau berniat untuk membayar atau membuat bayaran atas liabiliti Pelanggan kepada Bank, syarikat yang berkaitan dengan Bank menurut Seksyen 6 Akta Syarikat 1965 atau mana-mana syarikat yang bersekutu dengan Bank atau dengan syarikat induknya (Bank bersama-sama dengan syarikat yang bersekutu dan berkaitan yang disebut sebelum ini secara kolektif dirujuk sebagai "Kumpulan OCBC"), pihak- (pihak-pihak) yang membekalkan atau berhasrat untuk membekalkan barangan dan/atau perkhidmatan kepada Pelanggan atau mana-mana ahli Kumpulan OCBC, agen, penerima namaan, peguam, penjaga, depository sekuriti pusat atau pendaftar, ejen pengutip hutang apa-apa syarikat di bawah Kumpulan OCBC, penerima namaan Kumpulan OCBC atau penerima namaan berpotensi, belian atau pembeli berpotensi, polis atau pegawai penyiasat yang mengendalikan penyiasatan berhubung dengan apa-apa kesalahan, mana-mana orang yang pendedahan dibenarkan atau dikehendaki oleh apa-apa undang-undang, peraturan, arahan atau permintaan oleh kerajaan dan mana-mana saja pihak yang Bank fikirkan wajar dan pewaris hak milik masing-masing pada bila-bila masa dan tanpa notis atau liabiliti pada tahap dan untuk tujuan seumpamanya yang Bank sifatkan sebagai perlu dan wajar. Pelanggan secara tak boleh batal hendaklah memberikan kebenaran dan memberikan kuasa kepada Bank dan pegawai-pegawainya untuk mengendalikan pemeriksaan kredit dan mendedahkan hubungan akaunnya dengan Bank kepada mana-mana pihak seperti yang Bank fikirkan wajar mengikut budi bicara mutlaknya untuk tujuan pengesahan apa-apa maklumat, aplikasinya ke atas akaun, Perkhidmatan dan apa-apa urusan niaga perdagangan.

- 19.2. Bank adalah berhak, tertakluk kepada kepatuhan dengan peraturan undang-undang atau panduan yang bersesuaian, untuk menggunakan atau memakai apa-apa maklumat berkaitan dengan Pelanggan yang dikutip, dikumpulkan, diterima, diambil, disusun, disimpan dan/atau diperoleh oleh Bank melalui atau dengan apa cara dan kaedah sekali pun, termasuk dan tidak terhad kepada alamat e-mel, nama, nombor telefon dan seumpamanya, untuk tujuan seperti yang ditetapkan oleh Bank.

20. TERMA DAN SYARAT

- 20.1 Terma dan Syarat ini menggantikan semua terma dan syarat sebelum ini yang mengawal Akaun atau Perkhidmatan yang dijelaskan dalam perjanjian ini, melainkan dinyatakan selainnya oleh Bank. Bank berhak untuk meminda, menambah dan/atau menggantikan Terma dan Syarat ini atau memperkenalkan terma baru untuk memenuhi keperluan produk atau perkhidmatan baru dengan memberi notis kepada Pelanggan menurut Fasal 4. Perubahan itu diguna pakai pada tarikh kuat kuasa yang dinyatakan dalam notis oleh Bank dan sekiranya tarikh tidak disebutkan dengan nyata dalam notis itu, diguna pakai pada tarikh notis itu dipos.
- 20.2 Penerusan operasi akaun atau Akaun yang tidak ditutup atau penggunaan perkhidmatan oleh Pelanggan selepas tarikh kuat kuasa perubahan Terma dan Syarat itu hendaklah disifatkan sebagai penerimaan perubahan tanpa oleh Pelanggan. Pelanggan tidak boleh mengubah atau meminda Terma dan Syarat ini dalam apa-apa bentuk atau cara sekalipun sekiranya Bank memberi notis tentang perubahan atau pindaan itu.
- 20.3 Terma dan Syarat ini dicetak dalam bahasa Inggeris dan apa-apa bahasa yang ditetapkan oleh Bank. Sekiranya terdapat percanggahan dalam pentafsiran Terma dan Syarat ini dan apa-apa terjemahan Terma dan Syarat ini dalam apa-apa bahasa, maka versi bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini akan diguna pakai. Terma dan Syarat ini boleh diperoleh atas permintaan daripada mana-mana cawangan Bank atau daripada laman web Bank atau melalui apa-apa saluran penyampaian seperti yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 20.4 Bank akan menawarkan ciri, produk dan perkhidmatan baru atau tambahan kepada Pelanggan dan penerimaan Pelanggan atau penggunaan ciri, produk dan perkhidmatan baru ini adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat ini dan terma tambahan seperti yang mungkin ditetapkan oleh Bank. Sekiranya Pelanggan memohon supaya Bank menyediakan perkhidmatan baru atau tambahan itu, permohonan itu adalah tertakluk kepada persetujuan Bank.

21. HARI DAN MASA PERNIAGAAN

- 21.1 Hari Perniagaan, masa Bank dan terdapatnya Perkhidmatan yang disediakan boleh dipanjangkan, diubah atau dengan cara lain disemak semula menurut keperluan perniagaan dan keperluan operasi Bank tanpa memberi tahu mana-mana orang.
- 21.2 Kebolehpercayaan maklumat – Maklumat termasuk tetapi tidak terhad kepada kadar faedah, kadar pertukaran, dan maklumat produk yang dinyatakan dalam laman web Bank atau dibekalkan oleh Perkhidmatan adalah sebagai panduan semata-mata. Kadar atau harga sebenar yang diguna pakai pada urusan niaga tertentu hanya boleh ditentukan pada masa urusan niaga itu dimasuki.

22. JAMINAN KE ATAS SUMBER DEPOSIT

Pelanggan memberi jaminan kepada pihak Bank bahawa sumber yang digunakan untuk Deposit adalah dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan (termasuk peraturan dan undang-undang pertukaran mata wang asing) dibawah kawalan akta atau yang diperuntukkan kepada pelanggan dan pelanggan perlu memastikan supaya tidak melanggar sebarang undang-undang dan peraturan dan semua undang-undang perlu dipatuhi pada setiap masa.

23. KEBERASINGAN DAN PENEPIAN

- 23.1 Sekiranya apa-apa peruntukan itu ditetapkan sebagai menyalahi undang-undang, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa cara pun di sisi undang-undang, peruntukan tersebut adalah tidak boleh dikuatkuasakan sehingga ke tahap menyalahi undang-undang, ketaksahan, larangan atau tidak boleh dikuatkuasakan tanpa mentaksahkan apa-apa cara sekalipun peruntukan selebihnya Terma dan Syarat ini.
- 23.2 Penerimaan apa-apa arahan oleh Bank daripada Pelanggan atau apa-apa pengecualian oleh Bank terhadap apa-apa haknya atau apa-apa keistimewaan yang diberikan oleh Pelanggan tidak boleh berfungsi untuk menghalang Bank daripada menguatkuasakan apa-apa haknya di bawah Terma dan Syarat ini atau dianggap sebagai memberikan kebenaran untuk mengubah mana-mana bahagian perjanjian ini juga tidada mana-mana satu atau sebahagian daripada pelaksanaan apa-apa hak, kuasa atau keistimewaan yang boleh menghalang mana-mana amalan lain atau selanjutnya untuk melaksanakan apa-apa hak lain, kuasa dan keistimewaan. Hak dan pembedaan yang diperuntukkan dalam perjanjian ini adalah kumulatif dan tidak mengecualikan apa-apa hak atau pembedaan yang ditetapkan oleh undang-undang.

24. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia tetapi dalam menguatkuasakan haknya Bank adalah bebas untuk memulakan prosiding atau selainya terhadap Pelanggan dan mana-mana pihak di Malaysia atau tempat lain, tanpa mengambil kira tempat tinggal atau tempat perniagaan Pelanggan atau tempat di mana Akaun disenggarakan.

25. WARIS YANG MENGIKAT

- 25.1 Terma dan Syarat ini adalah mengikat waris, wakil diri dan pengganti hak milik Pelanggan dan pengganti hak milik dan pemegang serah hak Bank. Pelanggan adalah tidak berhak untuk menyerahkan apa-apa haknya dan faedahnya kepada Akaun dan di bawah Terma dan Syarat ini.
- 25.2 Pembentukan Semula Bank: Obligasi dan liabiliti Pelanggan hendaklah terus sah dan mengikat untuk apa-apa tujuan sekali pun tanpa menyentuh apa-apa perubahan yang berlaku melalui penggabungan, pembentukan semula atau cara lain yang mungkin dilakukan dalam pembentukan Bank atau oleh apa-apa syarikat yang perniagaan Bank mungkin terus dijalankan dari semasa ke semasa dan hendaklah terus wujud pada syarikat yang menjalankan perniagaan itu dari semasa ke semasa.

TERMA & SYARAT – AKAUN –AKAUN DEPOSIT

Ini adalah salinan Terma & Syarat yang mengawal akaun-akaun deposit Bank yang diguna pakai kepada akaun-akaun melainkan dinyatakan selainya.

1. AKAUN SEMASA/CEK

1.1 CEK DAN BUKU CEK

- (a) Cek tidak boleh ditunaikan di Bank melainkan dalam bentuk yang dibekalkan dan didaftarkan untuk Akaun.
- (b) Tiada perubahan dalam apa juga bentuk pun boleh dibuat pada cek. Bank berhak untuk tidak melayan cek dan memulangkan cek yang pada pandangan mutlak Bank mempunyai apa-apa bentuk perubahan sekalipun (sama ada ditandatangani balas oleh penunai cek atau selainya). Bank juga berhak untuk tidak melayan apa-apa cek yang rosak atau mempunyai kesilapan teknikal termasuk tetapi tidak terhad kepada cek lewat tarikh, cek yang perkataan dan angkanya tidak selaras atau yang tulisannya tidak dapat dibaca.

1.2 TERLEBIH KELUARAN DANA

Pelanggan tidak boleh mengeluarkan lebih wang melainkan telah mengaturnya terlebih dahulu dengan Bank. Faedah bagi terlebih keluar bagi Akaun Semasa hendaklah dikira berdasarkan baki debit harian pada kadar yang ditentukan oleh Bank dan hendaklah didebitkan kepada Akaun secara bulanan atau pada sela masa seperti yang ditetapkan oleh Bank

1.3 CEK TAK LAKU

- (a) Bank berhak untuk tidak melayan apa-apa cek yang dikeluarkan oleh Pelanggan sekiranya dana di dalam Akaun pelanggan tidak mencukupi bagi pembayaran cek itu ("Cek Tak Laku")
- (b) Bank berhak untuk menutup atau mengenakan sekatan/syarat bagi semua atau mana-mana Akaun Pelanggan dengan Bank sekiranya mana-mana satu daripada Akaun Pelanggan dengan Bank tidak disenggarakan dengan memuaskan atau telah disenaraikan di Dishonoured Cheques Information System (DCHEQS) atau di mana-mana biro kredit atau apa-apa organisasi atau perbadanan samada atau tidak biro, organisasi atau perbadanan itu ditubuhkan atau diluluskan oleh kerajaan atau pihak berkuasa atau badan berkanun.

2. AKAUN SIMPANAN (Diguna pakai pada individu sahaja)

2.1 BUKU SIMPANAN

- (a) Apabila buku simpanan dikeluarkan untuk akaun simpanan, Pelanggan menunjukkan buku simpanan apabila mengeluarkan wang di mana-mana cawangan Bank.
- (b) Masukan dalam buku simpanan akan disahkan sama ada melalui mesin atau dimasukkan secara manual dengan tandatangan pegawai bank yang diberi kuasa.
- (c) Buku simpanan adalah untuk rujukan Pelanggan sahaja dan baki semasa akaun simpanan itu tidak muktamad kerana deposit mungkin dilakukan atau perkara dicajkan tanpa apa-apa masukan dilakukan dalam buku simpanan tersebut.

2.2 KEHILANGAN BUKU SIMPANAN

Sekiranya buku simpanan hilang, salah letak atau musnah, Bank boleh membenarkan baki akaun simpanan itu dikeluarkan atau dipindahkan ke akaun baru tertakluk kepada syarat yang mungkin dinyatakan oleh Bank.

2.3 AKAUN YOUNG SAVERS

Bank mungkin mengenakan sekatan untuk pengeluaran wang, seperti sekatan terhadap berapa kali wang boleh dikeluarkan atau jumlah wang yang boleh dikeluarkan dalam satu bulan kalendar atau setahun. Bank berhak untuk menukar Akaun itu kepada produk lain yang sesuai yang akan diputuskan oleh Bank, apabila Akaun itu tidak mempunyai pemegang yang berumur bawah 21 tahun

2.4 PELAN SIMPANAN

- (a) Pelanggan tidak boleh, melainkan dengan kebenaran Bank, mengeluarkan lebih daripada jumlah wang dan/atau kekerapan pengeluaran wang dalam setiap tahun kalendar seperti yang ditetapkan oleh Bank dan memastikan baki minimum yang ditetapkan oleh Bank masih ada dalam Akaun.

- (b) Peratusan, yang diputuskan oleh Bank, bagi faedah yang sudah dibayar hendaklah ditolak daripada baki akaun sekiranya Akaun ditutup dalam tempoh masa minimum Akaun tersebut perlu disenggarakan seperti yang ditetapkan oleh Bank.

3. SIMPANAN TETAP

- 3.1 Simpanan Tetap boleh dilaburkan untuk tempoh gandaan satu bulan bulan sehingga 60 bulan atau tempoh pemegangan lain seperti yang mungkin ditetapkan oleh Bank. Dengan tidak menyentuh perkara di atas, sekiranya tarikh matang jatuh pada bukan Hari Perniagaan, apa-apa arahan pembaharuan/pelupusan oleh Pelanggan akan dilakukan pada Hari Perniagaan yang berikutnya.
- 3.2 Pengeluaran wang pramatang mungkin dibenarkan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank.

4. AKAUN MATAWANG ASING

4.1 TERMA AM BAGI AKAUN MATAWANG ASING

- (a) Terma dan syarat di **Fasal 4.1** ini secara khusus diguna pakai pada kedua-dua Akaun Mata Wang Asking Call dan Akaun Mata Wang Asing Time Deposit (secara kolektif disebut sebagai "Akaun MataWang Asing") yang dibuka atau akan dibuka dengan Bank.
- (b) Pelanggan bersetuju pada setiap masa untuk mematuhi semua syarat yang berikut, had semalaman dan peraturan yang tertakluk kepada perubahan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa tanpa notis selanjutnya oleh Bank.
- (c) Selain perkara di atas, Bank berhak untuk mengenakan selanjutnya apa-apa syarat lain dan/atau had semalaman terhadap Pelanggan untuk tujuan pengawalan dan pemantauan Bank.
- (d) Bank berhak untuk menolak atau mengembalikan seluruhnya apa-apa deposit atau hasil kutipan melalui remit wang masuk sekiranya tiada apa-apa arahan yang jelas dan khusus diterima atau yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kemungkiran syarat seperti yang dinyatakan sebelum ini dan had semalaman dan/atau untuk menyimpan jumlah wang itu atau jumlah-jumlah wang itu dari Akaun Matawang Asing yang memungkiri syarat seperti yang dinyatakan sebelum ini dan had semalaman yang disebabkan oleh apa-apa alasan lain termasuk tetapi tidak terhad kepada pengkreditan faedah dan turun naik kadar pertukaran, di mana Bank boleh kemudiannya diberi kuasa oleh Pelanggan untuk menukar dan meremite deposit, hasil kutipan atau sejumlah wang itu dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang sedia ada oleh Bank.
- (e) Pelanggan dikehendaki memaklumkan kepada Bank:
- (i) Menenai perubahan jumlah hasil kutipan eksport dalam kes pengeksport, perubahan syarat kelayakan yang menjejaskan had semalaman yang ditetapkan dan apa-apa kemungkiran syarat yang diluluskan dan/atau had semalaman yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia dalam penyenggaraan Akaun Matawang Asing, dan
 - (ii) sebelum mengirim pemindahan bertelegraf/mel/elektronik atau selainnya apa-apa hasil kutipan kepada Akaun Matawang Asing Pelanggan.
- (f) Pengeluaran daripada mana-mana Akaun Matawang Asing dalam mata wang selain daripada mata wang yang digunakan dalam Akaun Matawang Asing hendaklah dilakukan pada kadar pertukaran yang akan ditentukan oleh Bank.
- (g) Bank tidak berada di bawah obligasi untuk menerima deposit atau membenarkan pengeluaran wang dalam mata wang asing.

- (h) Bank akan menerima untuk pengkreditan Akaun Matawang Asing apa-apa cek, draf, mel dan pemindahan bertelegraf, surat cara boleh niaga dan apa-apa jumlah wang yang kena dibayar kepada Pelanggan DENGAN SYARAT cek, draf, pemindahan bertelegraf seperti yang dinyatakan sebelum ini adalah dalam bentuk dan isi yang boleh diterima oleh Bank. Hasil kutipan dalam apa-apa Ringgit Malaysia atau cek, draf atau surat cara boleh niaga dalam mata wang asing lain akan dikreditkan ke dalam Akaun Matawang Asing pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Bank.
- (i) Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Pelanggan berhubung dengan perkara yang dibankkan yang telah hilang, musnah atau tertangguh semasa proses penjelasan atau disebabkan oleh tindakan pembetulan Bank bagi pihak Pelanggan untuk mematuhi syarat seperti yang dinyatakan sebelum ini dan had yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia yang pada pandangan Bank telah dimungkiri.
- (j) Selain perkara di atas, pembukaan dan penyenggaraan Akaun Matawang Asing juga tertakluk kepada amalan dan undang-undang perbankan di Malaysia, Akta Kawalan Pertukaran 1953, kaedah dan peraturan Persatuan Bank-Bank di Malaysia dan kaedah dan peraturan badan pengawal lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia termasuk apa-apa pindaan yang dibuat kepada undang-undang, kaedah dan peraturan tersebut dari semasa ke semasa.

4.2 AKAUN MATA WANG ASING CALL (“AMWAC”)

- (a) FCCA boleh dibuka dalam apa-apa mata wang lain selain Ringgit Malaysia yang boleh diterima oleh Bank. Faedah akan dikreditkan secara bulanan pada kadar Bank dan akan dikira atas baki harian pada akhir setiap hari atau pada sela masa seperti yang ditetapkan oleh Bank dengan syarat tiada faedah kena dibayar atas baki harian atau sela masa lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan baki itu melebihi jumlah minimum yang ditetapkan oleh Bank.
- (b) Tiada urusan niaga antara cawangan atau terlebih pengeluaran dana keluar dibenarkan untuk AMWAC.
- (c) Pengeluaran boleh dibuat dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada 24 jam (atau dengan cara yang dibenarkan oleh Bank) dan Pelanggan dikehendaki memberikan arahan yang jelas dan khusus berhubung dengan pengeluaran dan penyelesaian deposit tersebut.
- (d) Tujuan utama Chinese Yuan atau Renminbi (“CNY”) Akaun Mata Wang Asing Call untuk akaun perniagaan adalah untuk menawarkan perkhidmatan pemindahan wang secara inter-bank bagi akaun dalam matawang CNY di antara bank-bank di People’s Republic of China dan bank-bank ahli di Malaysia, dan untuk menyelesaikan transaksi perdagangan luar-sempadan di antara China dan Malaysia dalam matawang CNY. Transaksi yang dimaksudkan di sini adalah hanya merujuk kepada pembayaran untuk barangan dagangan dalam mata wang CNY bagi transaksi perdagangan luar-sempadan dan transaksi-transaksi lain yang telah diluluskan dari masa ke semasa oleh People’s Republic Bank of China secara bertulis.

4.3 AKAUN MATA WANG ASING TIME DEPOSIT (“AMWATD”)

- (a) AMWATD boleh dibuka dalam apa-apa mata wang lain selain Ringgit Malaysia yang boleh diterima oleh Bank.
- (b) Pendepositan ke dalam AMWATD adalah untuk satu tempoh dan kadar seperti yang dipersetujui dengan Bank. Bank berhak untuk mengenakan apa-apa had atas jumlah dan terma deposit termasuk tetapi tidak terhad kepada had deposit minimum yang tertakluk kepada perubahan menurut budi bicara mutlak Bank.
- (c) Pengeluaran deposit boleh dibuat apabila matang di cawangan deposit. Bank mungkin membenarkan pengeluaran pramatang deposit DENGAN SENTIASA MENJADI SYARAT bahawa apa-apa kerugian/caj denda bagi pengeluaran sedemikian hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pelanggan. Semua pengeluaran deposit mesti dibuat dalam jumlah penuh, bukan jumlah berasingan.
- (d) Pelanggan dikehendaki memberikan arahan yang jelas dan khusus secara bertulis berhubung

dengan pengeluaran dan penyelesaian deposit itu. Arahan sedemikian hendaklah sampai kepada Bank tidak kurang daripada dua (2) Hari Perniagaan (atau tempoh lain seperti yang mungkin ditentukan oleh Bank) sebelum kematangan.

- (e) Jika tiada apa-apa arahan atau pengeluaran dibuat, Bank adalah tidak berada di bawah obligasi untuk memperbaharui prinsipal itu dan/atau faedah atau untuk memindahkan atau meremit jumlah wang yang matang kepada Pelanggan atau kepada apa-apa akaun dalam Bank atau di luar Bank sehinggalah arahan selanjutnya diberikan kepada Bank.
- (f) Selain perkara diatas,, sekiranya tarikh kematangan jatuh pada bukan Hari Perniagaan, maka apa-apa arahan pembaharuan/pelupusan oleh Pelanggan akan dilaksanakan pada Hari Perniagaan yang berikutnya.

5. AKAUN PEMAJU PERUMAHAN

5.1 TERMA-TERMA AM BAGI AKAUN PEMAJU PERUMAHAN ("HDA")

(a) Pelanggan bersetuju bahawa HDA perlu beroperasi seperti peruntukkan dibawah:-

- (i) Bagi pemajuan perumahan di Semenanjung Malaysia, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118), Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 dan Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Akaun Pemaju Perumahan) 1991;
- (ii) Bagi pemajuan perumahan di Sabah, Enakmen Perumahan (Kawalan dan Pelesenan untuk Pemaju) 1978 (No. 24 of 1978) dan Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Akaun Projek) 1995;
- (iii) Bagi pemajuan perumahan di Sarawak, Ordinan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan), 1993 dan Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan, 1998; dan/atau
- (iv) Perundangan dan/atau peraturan-peraturan di masa hadapan yang berkaitan dengan pemajuan perumahan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak (juga dirujuk sebagai "Peraturan-Peraturan") dan semua peraturan-peraturan yang tersenarai perlu dipatuhi semasa pembukaan, pengoperasian dan penutupan HAD.

(b) HDA adalah akaun semasa tanpa menggunakan cek i.e tiada buku cek akan dikeluarkan oleh pihak Bank untuk HDA.

5.2 PENGELUARAN DARI HDA

- (a) Semua pengeluaran dari HDA mesti disertakan dengan dokumen-dokumen yang disahkan seperti dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan bersama borang pengeluaran yang dilengkapkan dan berdasarkan had yang ditetapkan oleh Peraturan - Peraturan
- (b) Pelanggan harus memastikan HDA mempunyai dana yang mencukupi sebelum pengeluaran dibuat dan tidak boleh sesekali melebihi had pengeluaran
- (c) Pelanggan boleh mengeluarkan kesemua wang lebihan didalam HAD tanpa penutupan HAD dengan kebenaran bertulis diperolehi dari Pihak Pegawai Perumahan atau pihak-pihak berkuasa yang ditetapkan dan dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan.

5.3 PENUTUPAN HAD

Pelanggan boleh mengeluarkan kesemua wang dan menutup HDA dengan kebenaran bertulis diperolehi dari Pihak Pegawai Perumahan atau pihak-pihak berkuasa yang ditetapkan dan dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan.

6. DEPOSIT PASARAN WANG JANGKA PENDEK

6.1 AKAUN DEPOSIT PASARAN WANG JANGKA PENDEK("AKAUN STMMMD")

- (a) Akaun STMMMD boleh dibuka dengan melakukan deposit tunai dalam Ringgit Malaysia minimum ("Deposit(-deposit)"), seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa
- (b) Tempoh setiap Deposit(-deposit) boleh dari satu malam sehingga maksimum tiga(3) bulan calendar atau tempoh tertentu lain atau tempoh-tempoh yang Bank tentukan atas budi bicaranya dari semasa ke semasa
- (c) Penerimaan dan penerusan akaun adalah tertakluk kepada budi bicara Bank dan Bank tidak terikat untuk mendedahkan alasan keatas mana-mana ketidakterimaan atau penutupan akaun.

6.2 KADAR FAEDAH KE ATAS DEPOSIT (-DEPOSIT)

- (a) Kadar faedah untuk Deposit (-deposit) boleh didapati atas permintaan di mana-mana cawangan Bank atau dari wakil pasaran wang khas Bank dan kadar ini juga mungkin dipaparkan di dalam laman web Bank. Kadar ini boleh turun atau naik dari hari ke hari dan boleh juga turun naik dalam sehari dan Bank tidak menanggung obligasi untuk mengawal kadar tersebut.
- (b) Kadar faedah untuk Deposit, sebaik sahaja ditentukan oleh Bank dan diterima oleh Pelanggan dengan meletakkan Deposit dengan Bank akan ditetapkan pada kadar di sepanjang tempoh Deposit
- (c) Faedah adalah dikira berdasarkan formula faedah yang mudah cth; $\text{Amaun Deposit} \times T \times \text{kadar faedah}$; di mana T adalah bilangan hari dalam tempoh Deposit(-deposit) (termasuk hari perletakan tetapi tidak termasuk tarikh matang). Tempoh Deposit(-deposit) untuk pengiraan faedah kena bayar ke atas Deposit(-deposit) akan diubahsuai bagi mana-mana cuti yang dijangka atau tidak dijangkakan.
- (d) Faedah adalah dibayar apabila tempoh Deposit(-deposit) matang. Jika tarikh matang jatuh pada hari bukan Kerja, faedah Deposit(-deposit) akan dikira berdasarkan terma yang termaktub dalam subfasal (c) di atas dan akan dibayar pada keesokan hari Perniagaan
- (e) Tiada faedah akan dibayar ke atas Deposit(-deposit) yang dikeluarkan sebelum Tarikh Matang

6.3 ARAHAN KE ATAS DEPOSIT

- a) Bank mungkin, dari semasa ke semasa dan atas budi bicaranya, menerima dan bertindak atas arahan. Pelanggan untuk meletakkan Deposit(-deposit) atau berhubung dengan perkara berkenaan dengan Deposit(-deposit) atau STMMMDA, sama ada arahan tersebut adalah secara mulut atau bertulis dan sama ada diberi melalui telefon, pos, faks, atau saluran-saluran elektronik lain ("Arahan") dan Bank adalah layak untuk bergantung harap, bertindak dan mengambilkira arahan tersebut adalah sempurna dan dikira sebagai Arahan yang membenarkan oleh Pelanggan tanpa pertanyaan bagi pihak Bank untuk mengenalpasti orang yang memberi atau bermaksud untuk memberi notis atau Arahan tersebut atau sebagai kesahihan Arahan tersebut. Semua Arahan tersebut mestilah mengikat Pelanggan dan mestilah di bawah tanggungan dan risiko Pelanggan. Bank tidak akan bertanggungjawab dan tidak menanggung liabiliti ke atas tindakan bagi Arahan tersebut. Arahan yang diberi tidak boleh ditarik bali. Bank adalah layak untuk merakam semua perbualan dan Arahan melalui telefon dan Pelanggan bersetuju yang Bank adalah layak untuk menggunakan bahan-bahan rakaman dan transkrip tersebut sebagai bukti sekiranya timbul sebarang pertikaian. Pelanggan dengan ini mengaku yang Bank hanya perlu melakukan Arahan seperti yang sewajarnya dan mengikut amalan, prosedur dan polisi perniagaan biasa dan seterusnya boleh atas budi bicaranya menolak mana-mana Arahan tanpa sebarang liabiliti kepada Pelanggan.
- b) Bank akan mengesahkan pengesahan kepada Pelanggan ("Pengesahan") selepas

perlaksanaan untuk perletakan Deposit (-deposit). Arahan-arahan yang berkaitan dengan perkara lain tidak akan disahkan. Terma-terma tertentu yang berkaitan dengan setiap Pengesahan adalah dikira dipersetujui oleh Pelanggan kecuali Bank menerima notis secara bertulis daripada Pelanggan bagi mana-mana kesilapan dalam tempoh empat belas hari (14) hari selepas tarikh Pengesahan. Semua Pengesahan adalah muktamad, terlindung dan mengikat Pelanggan, sekiranya tiada pentafsiran kesilapan diberikan.

- c) Perlaksanaan Arahan oleh Bank akan menjadi kontrak yang mengikat dan Pelanggan adalah terikat untuk melakukan kontrak mengikut terma-termanya. Transaksi tersebut tidak tertakluk kepada penerimaan oleh Bank bagi mana-mana pengesahan bertulis daripada Pelanggan. Jika Pelanggan gagal untuk melakukan obligasinya selepas diterima oleh Pelanggan bagi Pengesahan yang dikeluarkan oleh Bank, Pelanggan akan menanggung liability dan membayar ganti rugi kepada Bank bagi semua kos dan kehilangan yang berlaku atau dialaminya.
- d) Sebarang pengesahan, notis atau komunikasi dengan Pelanggan adalah dikira sah jika ia dihantar melalui faksimili, secara dispatch atau kurier, pos biasa atau melalui emel kepada alamat/pejabat terakhir yang diberikan oleh Pelanggan atau alamat emel berdaftar dengan atau dinyelenggarakan oleh Bank atau diberikan menerusi komunikasi kepada Pelanggan melalui telefon.
- e) Bank tidak diwajibkan untuk membuat pertanyaan bagi sebarang kesahihan atau kebolehpercayaan akan Arahan-arahan dan terma dan syarat ini adalah tidak terlibat dengan sebarang penyalahgunaan atau penggunaan yang tidak dibenarkan oleh komunikasi tersebut. Pelanggan haruslah membayar ganti rugi kepada Bank sepenuhnya daripada semua kehilangan, tuntutan, permintaan, kos, kemusnahan, perbelanjaan dan semua liability lain yang Bank mungkin tanggung akibat daripada penerimaan dan bertindak ke atas arahan tersebut.

6.4 EJEN PENGIRAAN

Bank adalah ejen pengiraan untuk tujuan mengenalpasti jumlah faedah yang perlu dibayar ke atas Deposit(-deposit). Bank akan melepaskan tugasnya sebagai ejen pengiraan dengan penuh keikhlasan.

6.5 BANK AKAN MELEPASKAN DARIPADA LIABILITI SELANJUTNYA SELEPAS PEMBAYARAN

- (a) Bank adalah dilepaskan daripada liabiliti menyeluruh berhubung dengan Deposit (-deposit) dan faedah yang perlu dibayar ke atas Deposit (-deposit) selepas pengiriman atau pembayaran bagi Deposit (-deposit) dan faedah tersebut bagi akaun tertentu yang diberikan oleh Pelanggan.
- (b) Bank adalah layak untuk membuat potongan ke atas pembayaran faedah bagi Deposit(-deposit) bersih untuk cukai pegangan atau sebarang cukai lain, termasuk cukai barangan dan perkhidmatan atau levi yang dikenakan bagi sesuatu pembayaran atau pindahan mengikut undang-undang.

BAHAGIAN 3 – PERKHIDMATAN

TERMA & SYARAT – PERKHIDMATAN TERMA UMUM BAGI PERKHIDMTAN ELEKTRONIK

Bahagian 3A akan diguna pakai kepada semua perkhidmatan elektronik melainkan diperuntukkan selainnya.

1. KETERSEDIAAN PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

- 1.1 Perkhidmatan Elektronik akan disediakan jika Pelanggan mematuhi prosedur dan terma yang dinyatakan oleh Bank berhubung dengan pengaksesan, peralatan/peranti yang diperlukan dan digunakan untuk Perkhidmatan Elektronik berkenaan.

- 1.2 Ketersediaan Perkhidmatan Elektronik tersebut juga adalah tertakluk kepada masa, bayaran apa-apa kos, yuran, komisen dan caj dan pemberitahuan yang dinyatakan oleh Bank termasuklah apa-apa perubahan dan tambahan padanya seperti yang mungkin ditentukan oleh Bank. Perkhidmatan Elektronik tersebut mungkin diubah, ditambah atau ditarik balik oleh Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknya.

2. ARAHAN

- 2.1 Pengaksesan kepada Perkhidmatan Elektronik diberikan kepada mana-mana orang yang memperkenalkan diri sebagai Pelanggan atau Pengguna yang Dibenarkan dengan menggunakan Kod Keselamatan, dan mematuhi arahan dan prosedur Bank berhubung dengan penggunaan Kod Keselamatan tersebut. Pelanggan hendaklah bertanggungjawab dan bertanggung bagi semua pindahan dana atau pertanyaan baki atau urus niaga yang dibuat atau dilakukan atau diproses atau yang dilaksanakan oleh atau dengan penggunaan atau tujuan penggunaan Perkhidmatan Elektronik tersebut sama ada dengan atau tanpa kebenaran atau pengetahuan Pelanggan dan Bank adalah berhak untuk bergantung pada dan bertindak atas arahan sedemikian yang diberikan dan mendebitkan Akaun Pelanggan atau Akaun berhubung dengan semua urus niaga sedemikian termasuk apa-apa caj berkaitan.

- 2.2 Selain apa-apa peruntukan dalam Terma dan Syarat ini, Bank boleh (tetapi tidak mempunyai obligasi) tanpa perlu memberitahu Pelanggannya dalam apa-apa had masa, dan tanpa menyatakan sebab dan tanpa liabiliti kepada mana-mana orang bagi apa-apa kerugian, kerosakan, tuntutan atau kos:

- (a) menghendaki mana-mana orang yang mengakses atau menggunakan Perkhidmatan Elektronik untuk memperkenalkan diri mereka dengan cara alternatif (termasuk melalui tanda tangan atau secara peribadi atau panggilan telefon) dan/atau memberikan pengesahan bagi arahan (sama ada secara bertulis atau selainnya dan dalam bentuk dan isi seperti yang dinyatakan oleh Bank) sebelum Bank bertindak atas arahan sedemikian; dan/atau
- (b) enggan atau berhenti daripada melaksanakan apa-apa arahan secara menyeluruh atau sebahagian, atau menolak secara menyeluruh dan/atau sebahagian bagi apa-apa arahan yang telah dilaksanakan berdasarkan apa-apa arahan, atau mengenakan syarat bagi pelaksanaan apa-apa arahan pada tahap yang Bank sifatkan sebagai sah di sisi undang-undang bagi apa-apa bidang kuasa berkenaan, dan praktikal atau wajar bagi Bank melakukannya dan menurut Terma dan Syarat ini dan/atau amalan perniagaan biasa dan prosedur Bank; dan/atau
- (c) mengubah, menambah, menarik balik, menamatkan, menggantung atau memadam semua atau mana-mana bahagian Kod Keselamatan dan/atau Perkhidmatan Perniagaan, termasuk masa dan tempoh Perkhidmatan Elektronik itu boleh diakses atau digunakan.

- 2.3 Sekiranya Bank membatalkan atau menolak, atau menerima apa-apa arahan bersyarat sama ada menurut permintaan Pelanggan (yang Bank tidak mempunyai obligasi untuk mematuhi) atau atas kerelaan Bank sendiri menurut Terma dan Syarat ini, maka sebagai tambahan kepada apa-apa hak dan pembedaan yang ada pada Bank, Pelanggan hendaklah membayar caj dan semua kos apabila diminta oleh Bank.

- 2.4 Apa-apa arahan yang diberikan atau diterima melalui Perkhidmatan Elektronik selepas takat masa yang berkaitan pada mana-mana Hari Perniagaan hendaklah dianggap sebagai arahan yang diberikan dan diterima pada Hari Perniagaan yang berikutnya.

- 2.5 Pelanggan hendaklah memahami sifat elektronik dan jaringan terbuka (seperti yang diguna pakai) bagi Perkhidmatan Elektronik dan memahami dan menjangkakan semua risiko keselamatan, kerosakan, penangguhan atau kegagalan yang menjejaskan apa-apa arahan atau urus niaga, kesilapan penghantaran, kebolehan mengakses, masa rosak, dan semua risiko yang berkaitan dengan atau berhubung dengan penggunaan atau pengaksesan Perkhidmatan Elektronik. Bank adalah tidak bertanggungjawab atau bertanggungjawab terhadap mana-mana risiko di atas. Pelanggan hendaklah melakukan pengesahannya sendiri bahawa arahnya atau komunikasi lain yang dilakukannya telah dilaksanakan.

- 2.6 Pelanggan sendiri adalah bertanggungjawab bagi ketepatan arahan yang diberikannya. Bank adalah tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kesilapan atau ketidaktepatan apa-apa arahan.
- 2.7 Akaun Bersama: Setiap pemegang akaun bersama boleh memberikan arahan kepada Bank berhubung dengan akaun bersama dengan menggunakan Perkhidmatan Elektronik sekiranya cara penyenggaraan akaun bersama itu sama ada akaun itu disenggrakan oleh satu orang. Semua pemegang akaun bersama hendaklah secara bersesama atau berasingan bertanggungjawab bagi arahan sedemikian dan kesan dan akibat daripada arahan itu. Semua pemegang akaun bersama hendaklah bersetuju bahawa **Fasal 2.7** adalah mandat yang tidak boleh batal yang diberikan kepada Bank berhubung dengan Perkhidmatan Elektronik.
- 2.8 Bank boleh tetapi tidak mempunyai obligasi untuk bertindak atas apa-apa arahan yang tidak dihantar melalui Perkhidmatan Elektronik. Sekiranya Bank bertindak atas apa-apa arahan sedemikian, maka semua peruntukan dalam **Fasal 2** ini hendaklah mutatis mutan diguna pakai pada arahan tersebut.
- 2.9 Apa-apa arahan memindahkan dana yang dibuat melalui Perkhidmatan Elektronik akan disifatkan sebagai sempurna dan muktamad sebaik sahaja Bank berjaya melaksanakan arahan untuk mendebitkan Akaun Pelanggan dan mengkreditkan akaun benefisiari. Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan untuk memaklumkan benefisiari mengenai pemindahan dana tersebut olehnya. Pemindahan dana kepada mana-mana akaun selain daripada Akaun Pelanggan atau Akaun adalah tertakluk kepada jumlah maksimum sehari yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

3. TANGGUNGJAWAB PELANGGAN

- 3.1 Pelanggan akan mempunyai integriti dan jaminan bagi Perkhidmatan Elektronik dan Kod Keselamatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- (a) memastikan tidak ada penggunaan yang tidak sah bagi Kod Keselamatan atau Perkhidmatan Elektronik dan memahami serta menggunakan sistem dan prosedur keselamatan yang mencukupi bagi memantau semua penggunaan atau pengaksesan kepada Perkhidmatan Elektronik sekiranya Perkhidmatan Elektronik itu dilaksanakan melalui telefon bimbit/peranti atau peralatan di bawah kawalan Pelanggan.
 - (b) memastikan Kod Keselamatan adalah rahsia pada setiap masa termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - (i) tidak menulis atau menyimpan Kod Keselamatan itu bersama-sama dengan maklumat Perkhidmatan Elektronik yang berkaitan yang boleh ditafsirkan oleh sesiapa sahaja di bawah apa-apa keadaan tertentu;
 - (ii) menukar Kod Keselamatan dengan kerap dan memusnahkan apa-apa peralatan yang mungkin mengandungi Kod Keselamatan selepas Pelanggan menerima dan membacanya;
 - (iii) tidak mendedahkan atau membenarkan mana-mana orang mengakses atau menggunakan Kod Keselamatan (termasuk pekerja Bank) di bawah apa-apa keadaan pun dan mengambillangkah untuk mengelak Kod Keselamatan daripada diketahui oleh mana-mana orang.
 - (c) memberitahu Bank dengan segera di nombor telefon/butiran yang dibekalkan dalam Terma dan Syarat atau nombor telefon lain/butiran yang dibekalkan oleh Bank dari semasa ke semasa sekiranya Pelanggan menyedari ada sesuatu yang menyebabkannya berfikir yang jaminan keselamatan Kod Keselamatan kelihatan/tidak lagi atau tidak akan lagi mencukupi atau hilang, rosak atau dicuri. Notis secara lisan hendaklah diberi dan kemudian diikuti dengan notis secara bertulis dalam masa 24 jam;
 - (d) memastikan bahawa Pengguna yang Dibenarkan memahami dan mematuhi Terma dan Syarat bagi penggunaan Kod Keselamatan dan Peralatan Elektronik dan hendaklah memberitahu Bank dengan segera sekiranya Pengguna yang Dibenarkan tidak lagi dibenarkan

menggunakan Perkhidmatan Elektronik;

- (e) sekiranya telefon yang mempunyai perakam kata laluan tekan kunci atau peranti lain dipasang, hendaklah memadam nombor yang berkaitan dengan urus niaga selepas arahan dikeluarkan;
- (f) dengan membaca dan memahami panduan pengguna bagi Perkhidmatan Elektronik sebelum cuba menggunakan Perkhidmatan Elektronik.

Pelanggan hendaklah memahami dan bersetuju bahawa keagalannya mematuhi syarat ini boleh mendedahkan Pelanggan kepada kecurian atau penggunaan secara tak sah Kod Keselamatan atau Perkhidmatan Elektronik, yang mana Bank adalah tidak bertanggungjawab. Pelanggan dengan ini mengaku janji untuk menanggung rugi Bank dan memastikan Bank bebas daripada segala tuntutan dan liabiliti daripada semua pihak dan sesiapa pun, yang timbul daripada penggunaan yang tak sah.

- 3.2 Semua Kod Keselamatan hendaklah dihantar tangan oleh Bank kepada Pelanggan ke alamat yang didaftarkan dengan Bank atau boleh diambil sendiri oleh Pelanggan atau melalui mana-mana orang yang diberi kuasa mengikut mana yang berkenaan atau diberikan melalui telefon atau cara lain (untuk TPIN dan Kod Keselamatan lain) seperti yang diputuskan oleh Bank atas risiko Pelanggan. Pelanggan hendaklah mematuhi apa-apa permohonan, peraturan dan prosedur yang mungkin dikenakan oleh Bank bagi pengeluaran, penghantaran dan pengambilan apa-apa Kod Keselamatan.
- 3.3 Semua kad (yang mempunyai jalur elektronik/cip/ciri keselamatan lain) token, sijil digital, kekunci elektronik dan peranti elektronik lain dan media yang mengandungi apa-apa Kod Keselamatan yang dibekalkan kepada Pelanggan adalah dan hendaklah kekal menjadi hak milik eksklusif Bank. Pelanggan hendaklah memulangkan semua token fizikal, kad dan/atau media yang mengandungi apa-apa Kod Keselamatan kepada Bank dengan serta merta apabila diminta oleh Bank atau dengan penamatan pengaksesan dan penggunaan Perkhidmatan Elektronik oleh Pelanggan.
- 3.4 Bank memberikan kepada Pelanggan lesen tak boleh pindah dan tak eksklusif untuk menggunakan Kod Keselamatan hanya untuk tujuan menggunakan dan mengakses Perkhidmatan Elektronik. Pelanggan tidak boleh merombak atau mengubah reka bentuk atau membenarkan dirombak atau diubah rekabentuk apa-apa Kod Keselamatan dan tidak boleh menyebabkan atau membenarkan mana-mana bahagiannya disalin, dikeluarkan, diubahsuai, dipindahkan, diadaptasikan atau diterjemahkan dalam apa-apa bentuk pun, secara menyeluruh atau sebahagian, tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Bank. Bank akan mengeluarkan apa-apa Kod Keselamatan ganti kepada Pelanggan dengan mengenakan yuran atau caj yang mungkin ditetapkan oleh Bank.
- 3.5 Bank berhak untuk mengeluarkan Kod Keselamatan yang berasingan kepada Pengguna yang Dibenarkan apabila terdapat lebih daripada satu Pengguna yang Dibenarkan.
- 3.6 Bank tidak bertanggungjawab atau bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang disebabkan oleh atau kerosakan yang ditanggung oleh Pelanggan disebabkan oleh mana-mana orang secara langsung atau tidak langsung di bawah apa-apa keadaan pun memiliki Kod Keselamatan Pelanggan atau Pengguna yang Dibenarkan, dengan sentiasa menjadi syarat bahawa yang berikut adalah mengatasi dengan tidak menyentuh apa-apa peruntukan dalam Terma dan Syarat ini:
 - (a) Pelanggan tidak bertanggungjawab bagi kerugian yang disebabkan oleh apa-apa urus niaga yang tidak sah yang berlaku selepas Pelanggan terlebih dahulu memberitahu Bank menurut Terma dan Syarat ini bahawa Kad Pelanggan telah hilang, disalahgunakan, dicuri, atau keselamatan Kod Keselamatan telah dimungkiri;
 - (b) Sekiranya Pelanggan menjadi penyebab kepada kerugian daripada urus niaga yang tidak sah itu dengan cara lambat memberitahu Bank tentang kehilangan, salah guna atau kecurian Kad atau Kod Keselamatan, Pelanggan adalah bertanggungjawab bagi kerugian sebenar yang berlaku.

4. LIABILITI

Sebagai tambahan dan tanpa pengurangan kepada peruntukan Terma dan Syarat ini, Bank adalah tidak bertanggungjawab atau bertanggungjawab bagi apa-apa kerosakan, kerugian, kos dan perbelanjaan (sama ada secara langsung atau tidak langsung, sama ada dijangka atau tidak, dan sama ada Bank telah mendapat notis atau tidak) yang mungkin ditanggung atau dikenakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan:

- (i) Penyalahgunaan oleh Pelanggan atau kegagalan Pelanggan menggunakan dengan betul Kod Keselamatan atau Perkhidmatan atau apa-apa perisian/perkakasan/peralatan yang diperlukan untuk Perkhidmatan Elektronik;
- (ii) Kegagalan Pelanggan mengikut arahan terkini, garis panduan, peraturan, undang-undang, prosedur untuk menggunakan, pengaksesan, memohon untuk, membeli, menjual, atau berurusan (seperti yang diguna pakai) Perkhidmatan Elektronik, apa-apa barang (termasuk syer), produk, perkhidmatan atau kemudahan bagi mana-mana orang (termasuk mana-mana pihak ketiga) di bawah Terma dan Syarat ini;
- (iii) Semua pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan kualiti atau kuantiti, pertimbangan, kontrak, prospektus, terma dan syarat, pengiklanan apa-apa produk, barangan (termasuk syer), perkhidmatan atau kemudahan bagi atau dengan mana-mana pihak ketiga;
- (iv) Sebahagian atau keseluruhan pincang tugas, kerosakan atau kegagalan apa-apa rangkaian, terminal atau apa-apa sistem pemrosesan data, tele-transmisi komputer atau sistem telekomunikasi (secara kolektif, "Sistem"), sama ada mana-mana yang di atas dipunyai oleh atau dijalankan oleh Bank, disebabkan oleh apa-apa alasan sekalipun tidak terhad kepada serangan berniat jahat, pengodaman, atau penipuan.
- (v) Keadaan lain yang di luar kawalan Bank atau mana-mana Bank, institusi kewangan atau institusi kad atau mana-mana orang atau organisasi yang terlibat dengan Sistem; dan
- (vi) Apa-apa kelewatan pembayaran, kelewatan menyampaikan atau tidak menyampaikan atau kesilapan menyampaikan apa-apa bahan atau notis atau produk, barangan (termasuk syer) atau perkhidmatan bagi mana-mana orang, termasuk Bank.

5. KETETAPAN PERTIKAIAN (DIGUNA PAKAI KEPADA INDIVIDU SAHAJA)

- 5.1 Fasal 5 ini diguna pakai hanya kepada Pelanggan individu. Sebaik sahaja menerima apa-apa aduan yang dilaporkan oleh Pelanggan, Bank akan melayan aduan Pelanggan dalam tempoh 14 hari (atau tempoh masa seperti yang mungkin dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan) dari tarikh penerimaan aduan itu. Sekiranya Bank gagal melayan aduan Pelanggan dalam tempoh 14 hari, Bank akan memaklumkan kepada Pelanggan secara bertulis bagi melanjutkan tempoh masa untuk menjawab aduan tersebut. Pelanggan boleh merayu kepada pengurusan kanan Bank atau Biro Pengantaraan Kewangan, sekiranya Pelanggan tidak berpuas hati dengan jawapan aduannya itu.
- 5.2 Surat aduan mesti dihantar ke alamat yang berikut atau pelanggan boleh menelefon nombor di bawah atau alamat lain atau nombor perhubungan seperti yang Bank mungkin maklumkan kepada Pelanggan:

Quality & Service Management Department
Menara OCBC, No. 18, Jalan Tun Perak,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.
No. Telefon: 1-300 88 5000 (Untuk pelanggan perbankan pengguna)
No. Telefon: 1-300 88 7000 (Untuk pelanggan perniagaan dan perbankan korporat)

BAHAGIAN 3B - PERKHIDMATAN ELEKTRONIK KHUSUS

1. PERKHIDMATAN DEPOSIT SEGERA

- 1.1 Pendepositan apa-apa cek di Mesin Deposit Segera Bank hendaklah dibuat mengikut cara yang ditetapkan oleh Bank.
- 1.2 Bank boleh, tetapi tidak mempunyai obligasi, menerima apa-apa cek untuk kutipan. Sekiranya terdapat apa-apa cek yang tidak diterima oleh Bank, Bank akan memaklumkan kepada Pelanggan dan cek boleh

diambil atau dipos kepada Pelanggan atas risiko dan kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan.

2. MESIN TELER AUTOMATIK

- 2.1 Pelanggan boleh melakukan apa-apa urusan niaga yang dibenarkan oleh ATM. Perkhidmatan yang disediakan di ATM pada masa sedemikian dan tertakluk kepada arahan lain atau pemberitahuan seperti yang mungkin ditentukan dari semasa ke semasa oleh Bank. Sekiranya Pelanggan menggunakan ATM institusi lain, penggunaan perkhidmatan itu juga tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh institusi berkenaan.
- 2.2 Apa-apa permohonan untuk memindahkan dana melalui ATM hendaklah disifatkan sebagai telah disempurnakan sebaik sahaja urusan niaga diterima dengan jayanya. Akaun yang berkaitan akan didebitkan dan akaun benefisiari akan dikreditkan serentak.

3. ATM TUNAI MASUK

- 3.1 Apa-apa wang tunai yang didepositkan melalui ATM Tunai Masuk Bank akan dilakukan menurut cara yang dinyatakan oleh Bank. ATM Tunai Masuk akan mengeluarkan resit untuk wang tunai yang dimasukkan. Akaun yang berkaitan akan dikreditkan dengan wang tunai yang didepositkan sebaik sahaja disahkan oleh Bank.
- 3.2 Pelanggan hendaklah menyemak bahawa butiran urusan niaga yang dicetak pada slip adalah betul sebelum meninggalkan premis Bank atau Terminal Elektronik. Sekiranya terdapat apa-apa kesilapan, Pelanggan hendaklah melaporkan kepada Bank dengan segera.

4. APLIKASI SYER ELECTRONIK ("ESA") (UNTUK INDIVIDU SAHAJA)

- 4.1 Perkhidmatan ini disediakan kepada individu sahaja. Pelanggan boleh menyerahkan ESA untuk melanggan syer terbitan awam dan pembayaran bagi langganan sedemikian melalui ATM atau melalui apa-apa perkhidmatan atau saluran lain yang mungkin dibenarkan oleh Bank adalah tertakluk kepada adanya dana dalam Akaun yang berkaitan dengan sentiasa menjadi syarat bahawa Bank adalah berhak untuk menolak ESA itu tanpa memberikan apa-apa alasan dan tanpa bertanggung kepada Pelanggan bagi apa-apa kerugian, kos atau kerosakan yang berkaitan dengannya. Pelanggan hanya boleh menghantar satu ESA untuk setiap syer terbitan awam untuk permohonan syer Pelanggan sendiri dan bukan selainnya.
- 4.2 Bank hendaklah mendebitkan Akaun berkenaan bagi jumlah yang diarahkan oleh Pelanggan bersama-sama dengan komisen dan caj seperti yang mungkin dikenakan oleh Bank pada masa ini untuk ESA. Tiada faedah/keuntungan perlu dibayar atas jumlah tersebut sama ada ESA tersebut berjaya atau tidak.
- 4.3 ESA juga adalah tertakluk kepada kaedah dan peraturan seperti yang mungkin ditetapkan oleh gedung terbitan yang berkaitan termasuklah apa-apa pindaan atau tambahan yang mungkin dibuat oleh gedung terbitan dari semasa ke semasa. Pelanggan hendaklah menunjukkan apa-apa pertanyaan atau pertikaian berkaitan dengan keputusan permohonan, pengundian dan peruntukan syer yang Pelanggan ada berkaitan dengan ESA kepada gedung terbitan yang berkenaan.
- 4.4 Gedung terbitan yang berkenaan akan memberitahu Pelanggan sekiranya ESA-nya berjaya atau tidak. Sekiranya ESA tidak berjaya atau syer yang diperumpukkan adalah kurang daripada jumlah keseluruhan syer yang dipohon oleh Pelanggan, pembayaran balik wang langganan atau lebihan wang yang terhutang kepada Pelanggan, mengikut mana yang berkenaan, akan dibuat oleh gedung terbitan yang berkenaan. Sekiranya pembayaran balik wang langganan iaitu lebihan jumlah wang itu perlu dibuat melalui Bank, maka pembayaran balik itu akan dibuat:
 - (a) tertakluk kepada penyerahan oleh Pelanggan dokumen sedemikian (jika ada) seperti yang mungkin diminta atau diterima oleh Bank, dan sekiranya gagal, Bank adalah tidak

bertanggungjawab untuk melaksanakan pembayaran balik itu; dan

(b) apabila Bank menerima wang untuk pembayaran balik itu daripada gedung terbitan.

5. PERKHIDMATAN PHONEBANKING

- 5.1 Arahan yang dipindahkan melalui perkhidmatan Phonebanking tidak boleh diubah, dipinda atau ditambah. Bank berhak untuk menolak atau bertindak atas apa-apa arahan termasuklah apa-apa arahan yang telah diubah, dipinda atau ditambah oleh Pelanggan yang diberikan melalui perkhidmatan Phonebanking.
- 5.2 Rakaman Perbualan: Bank hendaklah diberi hak untuk merakamkan semua arahan dan perbualan melalui telefon. Rakaman tersebut hendaklah menjadi harta Bank dan hendaklah menjadi bukti yang muktamad bagi arahan yang diberikan oleh Pelanggan.
- 5.3 Pesanan atau Pemberitahuan: Bank adalah berhak untuk menelefon Pelanggan di nombor yang diberikan atau melalui telefon bimbit dan meninggalkan pesanan kepada orang yang menjawab telefon atau mesin menjawab panggilan telefon.

6. PERKHIDMATAN PEMBERITAHUAN PANTAS

- 6.1 Bank mungkin menyediakan Perkhidmatan Pemberitahuan Pantas atas risiko Pelanggan melalui mel elektronik, khidmat pesanan ringkas (SMS) atau media lain seperti yang Bank sifatkan sebagai wajar. Skop dan ciri (termasuk masa dan kekerapan apa-apa pemberitahuan pantas/pemberitahuan) Perkhidmatan Pemberitahuan Pantas hendaklah ditentukan oleh Bank dan mungkin dipinda atau ditamatkan seperti yang Bank fikirkan wajar dari semasa ke semasa tanpa memberikan notis kepada mana-mana orang.
- 6.2 Peruntukan Perkhidmatan Pemberitahuan Pantas mungkin melibatkan produk, barangan, perkhidmatan dan/atau kemudahan yang dibekalkan oleh pihak ketiga. Pelanggan bersetuju bahawa maklumat mengenai Pelanggan akan diberikan kepada pihak ketiga tersebut oleh Bank dan mungkin akan diletakkan atau disimpan dalam kerangka utama di luar kawalan Bank.
- 6.3 Pemberitahuan disifatkan sebagai telah dihantar kepada penerima yang diniatkan apabila penyiaran pemberitahuan itu diaktifkan kepada butiran perhubungan yang dinamai oleh Pelanggan untuk tujuan mendapatkan Perkhidmatan Pemberitahuan Pantas, tanpa mengambil kira sama ada pemberitahuan itu sebenarnya telah diterima oleh butiran perhubungan yang dinamai atau oleh penerima yang diniatkan oleh Pelanggan.
- 6.4 Perkhidmatan Pemberitahuan Pantas tidak sekali-kali menjejaskan obligasi Pelanggan untuk memastikan adanya dana yang mencukupi dalam apa-apa Akaun. Pelanggan, di bawah apa-apa keadaan sekalipun, tidak boleh bergantung pada Perkhidmatan Pemberitahuan Pantas bagi apa-apa tujuan.
- 6.5 Semua rujukan masa/tarikh dalam apa-apa pemberitahuan adalah dalam waktu Malaysia melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank.
- 6.6 Melainkan diberitahu sebaliknya oleh Bank, Pelanggan tidak boleh berkomunikasi atau mencuba untuk berkomunikasi dengan Bank melalui nombor telefon, alamat atau butiran lain penghantar, jika ada, yang terdapat dalam apa-apa pemberitahuan.

BAHAGIAN 3C-PERKHIDMATAN LAIN

1. KEMUDAHAN AUTO-SWEEP (UNTUK INDIVIDU SAHAJA)

- 1.1 Perkhidmatan ini disediakan untuk individu sahaja. Bank akan menawarkan kepada pelanggan individu Kemudahan Auto-sweep bagi jenis akaun yang khusus tertakluk kepada caj Bank dan terma dan syarat Bank dan penggunaan perkhidmatan oleh pelanggan adalah berdasarkan terma dan syarat tersebut.

- 1.2 Fungsi Auto-sweep bagi pindahan dana antara Akaun adalah SEHALA sahaja, misalnya dari Akaun Simpanan Pelanggan ke Akaun Semasa. Pindahan balik automatik tidak boleh dilakukan bagi apa-apa dana yang masih ada dalam Akaun Semasa Pelanggan ke Akaun Simpanan (termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan di mana pindahan dana berlaku tetapi Bank tidak dapat melayan apa-apa cek yang dikemukakan atas sebab-sebab teknikal dan/atau sekiranya Bank memutuskan untuk tidak melayan apa-apa cek yang dikemukakan disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi).
- 1.3 Bank tidak akan menerima apa-apa deposit atau pengeluaran atau mengaktifkan Auto-sweep apabila berlaku kerosakan atau kegagalan sistem komputer yang menjejaskan cawangan/cawangan-cawangan Bank sama ada kerosakan atau kegagalan itu adalah sepenuhnya atau sebahagian. Bank tidak mempunyai obligasi untuk memaklumkan kepada Pelanggan tentang ketidakupayaannya untuk mengaktifkan fungsi Auto-sweep apabila cek yang dikeluarkan oleh Pelanggan dikemukakan untuk bayaran di kaunter pada masa sistem komputer dalam talian Bank gagal berfungsi.
- 1.4 Pindahan dana automatik tidak boleh dilakukan dari Akaun Simpanan Pelanggan ke Akaun Semasa sekiranya pengeluaran dari Akaun Semasa dibuat melalui ATM atau melalui apa-apa Perkhidmatan. Pelanggan tidak boleh menyebabkan Bank bertanggungjawab atau bertanggung bagi apa-apa kerugian, kecederaan, kerosakan atau keaiban yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau dalam kaitan dengan kemudahan Autosweep yang disediakan oleh Bank kepadanya atas apa-apa sebab sekalipun, termasuk tetapi tidak terhad kepada cek yang tidak dilayan atau pemulangan cek yang disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi dalam Akaun Semasa Pelanggan akibat urus niaga ATM dan/atau perkhidmatan elektronik lain yang dilaksanakan oleh Pelanggan pada akhir hari di mana sistem komputer Bank sedang dalam progres penyenggaraan.
- 1.5 Pelanggan hendaklah memastikan ada baki kredit harian minimum dalam Akaun Semasa seperti yang dinyatakan oleh Bank. Sekiranya baki adalah kurang daripada baki kredit minimum, Bank boleh memindahkan jumlah tersebut dari Akaun Simpanan ke Akaun Semasa untuk memastikan adanya baki minimum. Pindahan tersebut akan dilakukan pada penghujung hari.
- 1.6 Sekiranya Akaun Simpanan atau Akaun Semasa ditutup, Kemudahan Auto-sweep atau akan juga ditamatkan.
- 1.7 Bank boleh, mengikut budi bicara mutlaknyanya, menamatkan Kemudahan Auto-sweep pada bila-bila masa dengan memberikan notis kepada Pelanggan.

2. ARAHAN TETAP (ARAHAN BAYARAN BERKALA)

- 2.1 Pelanggan hendaklah mengeluarkan atau menamatkan Arahan Tetap secara bertulis (atau dengan apa-apa cara lain yang dibenarkan oleh Bank) kepada Bank. Sekiranya bayaran menurut Arahan Tetap tidak dapat dilakukan disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi dalam Akaun yang berkaitan, Bank tidak akan melaksanakan bayaran bagi tarikh bayaran yang berkenaan. Bayaran seterusnya hanya akan dibuat pada tarikh bayaran seterusnya. Pelanggan perlu mengatur cara lain untuk membuat bayaran tersebut.
- 2.2 Bayaran yang dibuat melalui Draf Permintaan, Perintah Juruwang, Pindahan Mel atau Pemindahan Bertelegraf yang berkaitan dengan arahan ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat Bank yang ada bagi pemindahan.
- 2.3 Arahan tetap adalah tertakluk kepada apa-apa perbincangan yang berlaku sekarang atau yang mungkin berlaku selepas ini antara Pelanggan dengan Bank bagi Akaun atau apa-apa perkhidmatan perbankan yang diberi kepada Pelanggan.
- 2.4 Bank boleh menamatkan Arahan Tetap bagi bayaran akan datang pada bila-bila masa dengan memberikan notis kepada Pelanggan atau tanpa memberikan notis pada bila-bila masa selepas dimaklumkan oleh penerima bayaran bahawa bayaran sudah tidak perlu dibuat lagi, atau tanpa memberikan apa-apa alasan padanya.

- 2.5 Apa-apa arahan untuk menamatkan pelaksanaan apa-apa bayaran berkala di bawah Arahan Tetap hendaklah disifatkan sebagai arahan untuk menamatkan Arahan Tetap. Untuk mengaktifkan semula Arahan Tetap bagi tujuan pembayaran selanjutnya, memerlukan Arahan Tetap yang baru.
- 2.6 Arahan Tetap akan terus berkuat kuasa sebagai perlindungan kepada Bank berhubung dengan bayaran yang dibuat dengan amanah walaupun Pelanggan meninggal dunia atau Pelanggan mengalami kebangkrutan/penggulungan sehinggalah notis kematian atau kebangkrutan/penggulungan Pelanggan atau notis mengenai pembatalan Arahan Tetap diterima oleh Bank.
- 2.7 Arahan Tetap adalah tertakluk kepada bayaran komisen seperti yang mungkin ditetapkan oleh Bank bagi setiap bayaran berkala yang dilaksanakan oleh Bank. Caj ini tidak termasuk bayaran pos, duti setem dan pertukaran dalam negeri jika diguna pakai. Bank boleh mengenakan caj atas semua arahan tetap pada tarikh akhir bayaran dan caj ini mungkin tidak akan dibayar balik walaupun arahan tidak dilaksanakan disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi.
- 2.8 Apa-apa arahan untuk mengubah atau menamatkan atau membatalkan Arahan Tetap hendaklah diberikan oleh Pelanggan sekurang-kurangnya dua minggu (atau seperti tempoh yang ditetapkan oleh Bank) sebelum tarikh bayaran.